

Bil. 11

**Khamis
10 April 1997**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18	
Pasukan Kriket Israel Menyertai Pertandingan Kriket Antarabangsa di Kuala Lumpur - Penentangan oleh PAS - <i>Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood</i>	(Ruangan 12)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Ruangan 14)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997	(Ruangan 14)
<u>Jawatankuasa -</u>	
<u>Jadual</u>	
Maksud B.3, B.5, B.7, B.11 dan B.13	(Ruangan 23)
Maksud B.15 dan B.16	(Ruangan 37)
USUL:	
Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 1996	(Ruangan 14)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

Yang Berhormat	Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
"	Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
"	Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
"	Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
"	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
"	Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
"	Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
"	Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
"	Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
"	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
"	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
"	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoo Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

Yang Berhormat	Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
“	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
“	Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
“	Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
“	Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
“	Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
“	Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
“	Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
“	Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
“	Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
“	Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
“	Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
“	Tuan Asmat Nungka (Beluran)
“	Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
“	Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
“	Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
“	Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
“	Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
“	Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
“	Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
“	Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

Yang Berhormat	Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
	Puan Chua Soon Bui (Tawau)
“	Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
“	Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
“	Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
“	Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
“	Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
“	Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
“	Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
“	Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
	Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
“	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
“	Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
“	Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
“	Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
“	Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
“	Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
“	Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
“	Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
“	Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
“	Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
“	Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
“	Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
“	Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
“	Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
“	Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
“	Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

Yang Berhormat	Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
“	Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
“	Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
“	Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
“	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
“	Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
“	Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
“	Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
“	Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
“	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
“	Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
“	Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
“	Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
“	Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
“	Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
“	Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
“	Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
“	Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
“	Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
“	Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat	Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
	Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
“	Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
“	Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
“	Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
“	Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
“	Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
“	Tuan Radin Malleh (Tenom)
“	Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
“	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
“	Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
“	Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
“	Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
“	Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
“	Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
“	Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
“	Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
“	Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
“	Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
“	Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
“	Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
“	Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
“	Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
“	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
“	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

- Yang Berhormat Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Salamat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA
DEWANRAKYAT**

Khamis, 10 April 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPANMULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**PEMBANGUNAN SEMULA BOSNIA-
HERZEGOVINA - PENGLIBATAN
MALAYSIA**

1. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong] minta Menteri Luar Negeri menyatakan penglibatan swasta Malaysia di dalam program pembangunan semula Bosnia-Herzegovina. Adakah Kerajaan Malaysia memberikan bantuan kepakaran dan kewangan di dalam program berkenaan.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa satu lawatan susulan ke Bosnia-Herzegovina telah dianjurkan oleh MATRADE pada 4hb. ke 16hb. Oktober, 1996. Ahli-ahli delegasi yang terlibat terdiri dari 19 orang pegawai-pegawai dari sektor-sektor swasta.

Setakat ini terdapat beberapa buah syarikat swasta yang telah menunjukkan minat dalam program pembangunan semula Bosnia-Herzegovina. Syarikat-syarikat tersebut kini sedang dalam peringkat perundingan dengan beberapa syarikat dari Bosnia-Herzegovina. Di antara sektor-sektor yang bakal diceburi oleh pihak swasta Malaysia ialah:-

- (i) pembinaan lapangan terbang;
- (ii) pemulihan semula industri besi ke stesen janakuasa;
- (iii) pembinaan semula hotel;
- (iv) perkhidmatan perunding untuk pembinaan stesen jana-kuasa;
- (v) telekomunikasi;
- (vi) pembinaan kawasan perumahan;
- (vii) membekal peralatan perubatan;
- (viii) membekal minyak kelapa sawit dan hasil barangan kelapa sawit; dan
- (ix) perbankan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun keadaan perniagaan dan pelaburan di Bosnia-Herzegovina akan mengambil masa untuk pulih semula, Kerajaan Malaysia menggalakkan sektor swasta untuk memberi bantuan kepakaran dalam program pembangunan Bosnia-Herzegovina.

Mengenai bantuan kewangan, Kerajaan Malaysia telah menyumbangkan sebanyak US\$12 juta untuk projek pembangunan semula Bosnia-Herzegovina bagi tahun 1996.

Sebanyak US\$6.2 juta dari jumlah tersebut telah dimasukkan ke dalam tabung pusingan untuk pemulihan semula industri kecil dan sederhana, sementara bakinya telah digunakan untuk projek-projek pendidikan, perumahan, telekomunikasi dan pengangkutan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada bantuan kewangan yang telah pun diberikan sebagai modal pusingan dan sebagainya oleh pihak kerajaan, adakah pihak Kerajaan Malaysia juga akan memberi bantuan dalam bentuk teknikal dan cultural, dengan izin, yang akan membolehkan umpamanya, pelajar-pelajar Bosnia-Herzegovina melanjutkan pelajaran di beberapa institusi pengajian tinggi di negara ini?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, memang hasrat kita untuk memberi sokongan dari segi teknikal dan pemulihan secara menyeluruh di mana kita mampu dan ingin saya menyatakan di sini dan memaklumkan Dewan ini bahawa kita telah juga memberi perkhidmatan latihan kepada pegawai-pegawai pentadbiran dan Kerajaan Bosnia-Herzegovina khususnya dalam bidang bahasa Inggeris, pentadbiran kewangan dan sebagainya menerusi Malaysian Technical Corporation Programme dan juga menerusi universiti kita dan pihak swasta juga digalakkan untuk mengambil pelajar-pelajar dari negara itu.

Selain dari usaha untuk memberi sokongan dalam pemulihan negara itu, kita juga ingin melihatkan generasi baru khususnya dari negara-negara maju khususnya seperti Eropah untuk belajar di tempat kita di sini supaya mereka dapat memahami lebih dalam lagi kebudayaan dan juga cara kita supaya di masa hadapan kita dapat mendalami lagi persefahaman di antara benua.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah masih ada keluarga-keluarga angkat rakyat Bosnia yang telah datang ke sini satu masa dan

ketika dahulu seperti di Sarawak dan juga di Semenanjung. Kalau ada, berapa jumlah?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon maaf, saya tidak ada angka yang tepat di sini, tetapi banyak yang telah diuruskan menerusi program-program tertentu dan dalam pemulihan program Bosnia-Herzegovina, tetapi saya boleh menghantarkan jawapan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tuan Michael Lisa Kaya.

[Soalan No. 2 - Y.B. Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas] tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

[Soalan No. 3 - Y.B. Tuan R. Karpal Singh [Jelutong] tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King.

[Soalan No. 4 - Y.B. Tuan Tiong Thai King [Lanang] tidak hadir]

ELAUN PERTUKARAN PEGAWAI POLIS DAN IMIGRESEN - PENYELARASAN

5. **Tuan Radin Malleh [Tenom]** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah kementerian menyelaras dan memperseimbangkan semua jenis elaun pertukaran pegawai-pegawai Polis dan Imigresen yang bertukar dari Semenanjung ke Sabah/Sarawak dan sebaliknya, kerana sekarang didapati pegawai-pegawai Polis dan Imigresen yang bertukar daripada Semenanjung ke Sabah mendapat kadar elaun lebih tinggi berbanding dengan mereka yang bertukar daripada Sabah/Sarawak ke Semenanjung.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan yang disediakan bagi pegawai kerajaan tidak membezakan pegawai Polis dan Imigresen dari pegawai lain dalam perkhidmatan awam.

Elaun dan kemudahan yang disediakan adalah terkandung dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4/1995. Bagi seseorang pegawai yang bertukar dan berpindah rumah, pegawai berkenaan boleh menuntut elaun-elaun berikut:-

- (i) bayaran pemberian pindahan dan elaun gantian makan;
- (ii) bayaran berubah yang terdiri daripada bayaran sebenar, sewa hotel, pengangkutan barang-barang, perjalanan termasuk 1% dibenarkan tambahan bagi perbelanjaan pelbagai.

Bagi pemberian pindahan disebabkan kadar ini lebih tinggi di Sabah dan Sarawak daripada Semenanjung, maka pegawai yang berasal dari Sabah/Sarawak yang bertukar ke Semenanjung akan dibayar kadar yang lebih tinggi. Apabila pegawai bertukar balik ke Sabah/Sarawak berasaskan kadar pemberian pindahan yang ditetapkan lebih rendah di Semenanjung, maka untuk kali ini pegawai hanya dapat menikmati kadar pemberian pindahan yang lebih rendah.

Asas yang sama ditetapkan kepada elaun gantian makan yang mana kadar untuk Sabah/Sarawak adalah lebih tinggi daripada Semenanjung. Disebabkan elaun ini boleh dituntut tiga hari sebelum bertukar dan lima hari selepas bertukar, maka pegawai yang bertukar ke Sabah dan Sarawak akan mendapat jumlah tuntutan yang lebih tinggi berbanding dengan pegawai yang bertukar dari Sabah/Sarawak ke Semenanjung.

Kerajaan tidak bercadang meminda peruntukan ini memandangkan kos saraan hidup yang lebih tinggi di Sabah dan Sarawak berbanding dengan Semenanjung.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kerajaan tidak berhasrat untuk membuat satu dasar misalnya, kadang-kadang pernah berlaku kepada pegawai-pegawai kerajaan yang bertukar sebanyak dua, tiga kali satu tahun. Apakah tidak ada had-had yang minimum, misalnya seorang pegawai kerajaan hanya boleh bertukar hanya dalam tempoh tiga tahun sekali.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada dasar untuk mengehadkan pindah-memindah atau tukar-menukar kakitangan kerajaan. Ini dibuat mengikut keperluan dan keadaan semasa.

PEMBELIAN PETROL MENGGUNAKAN KAD KREDIT

6. **Tuan Lim Siang Chai [Petaling Jaya Selatan]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:-

- (a) baru-baru ini Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melancarkan penggunaan kad kredit untuk pembelian minyak petrol. Tidakkah langkah ini menjejaskan usaha untuk mengurangkan

penggunaan kad kredit di kalangan orang ramai; dan

- (b) adakah kerajaan merancang meningkatkan kempen Inflasi Sifar memandangkan tindakan sekarang tidak begitu berkesan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kad Kredit dan kad ATM adalah antara kaedah pembayaran yang diterima bagi pembelian petrol di stesen-stesen minyak. Ini merupakan satu kemudahan kepada para pengguna, bukan sahaja untuk pembelian petrol tetapi juga untuk lain-lain tujuan.

Kementerian berpendapat penggunaan kad kredit dan kad yang serupa tidak akan menyebabkan pengguna akan berbelanja lebih untuk menggunakan petrol yang biasanya merupakan perbelanjaan tetap.

- (b) Kempen Inflasi Sifar telah memberi kesan ke arah membendung kenaikan kadar inflasi di negara ini. Justeru itu, kerajaan akan meneruskan kempen ini dan pada masa yang sama Kementerian sedang merangka strategi baru bagi menjayakan lagi kempen tersebut, seperti menyediakan iklan papan tanda di seluruh negara untuk menekankan mesej berkaitan kuasa pembelian dan meningkatkan tabungan di kalangan pengguna.

Tuan Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ingin tahu jumlah perbelanjaan bagi kempen Inflasi Sifar pada tahun 1996 dan apakah strategi baru bagi program Inflasi Sifar pada tahun ini?

Dato' Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1996, walaupun saya tidak dapat angka yang tepat, tetapi saya diberitahu bahawa lebih kurang RM2.5 juta telah dibelanjakan untuk kempen ini dan beberapa strategi baru telah dipastikan oleh Kementerian ini misalnya meningkatkan pemeriksaan ke atas 600,000 premis perniagaan pada tahun 1997.

Pada tahun 1996, penguatkuasa Kementerian hanya memeriksa ke atas 500,000 premis perniagaan. Bagi tahun ini, jumlah akan bertambah.

Kedua, tadi saya jawab bahawa billboard atau iklan papan tanda yang berkaitan dengan kuasa

pembelian atau purchasing power akan didirikan di bandar raya atau di jalan raya dan juga pengguna dinasihatkan menabung. Itulah langkah-langkah yang baru.

Tuan Chiew Chiu Sing: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah penyelewengan dan penyalahgunaan termasuk memalsukan kad kredit berlaku dalam pembelian petrol? Bagaimanakah hal ini dapat diatasi?

Dato' Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian belum terima apa-apa aduan mengenai penyalahgunaan kad kredit atau kad ATM. Kalau Yang Berhormat mempunyai butir-butir, bolehlah menunjukkan kepada Kementerian ini.

PUSAT INDUSTRI KOTA KINABALU (KKIP) - JUMLAH PELABURAN

7. Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan perkembangan Pusat Industri Kota Kinabalu (KKIP) di Sabah:-

- (a) berapakah banyak pelabur dan jumlah pelaburan yang telah dipersetujukan; dan
- (b) adakah usaha-usaha Kementerian agar KKIP ini lebih menarik kepada pelabur dan dapat beroperasi lebih awal.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan:

- (a) Sehingga Mac, 1997 sebanyak 12 buah syarikat telah diluluskan untuk melabur di KKIP. Syarikat-syarikat tersebut telah pun menandatangani perjanjian jual beli dan akan membuat pelaburan sebanyak kira-kira RM48.5 juta. Di samping itu, sebanyak 41 pelabur lagi telah menunjukkan komitmen bagi membeli lot-lot di KKIP dan dijangka membuat pelaburan sebanyak kira-kira RM341.2 juta.
- (b) Kerajaan sentiasa menggalakkan pelaburan di Sabah dengan:-
 - (i) mengadakan misi-misi pelaburan dan perdagangan di luar negeri serta menganjurkan seminar-seminar pelabur tempatan;
 - (ii) membangunkan infrastruktur-infrastruktur yang lengkap;
 - (iii) menggalakkan usaha sama perindustrian dalam kerjasama

serantau, seperti kerjasama kawasan Pertubuhan Timur Asean; dan

- (iv) menggalakkan pertumbuhan industri kecil dan sederhana sebagai penyokong dan pembekal utama kepada industri besar.

Kerajaan juga menyediakan satu pakej insentif khas kepada projek-projek yang ditempatkan di koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Pakej insentif koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak ini adalah:-

- (i) taraf printis selama lima tahun atau elaun cukai pelaburan atas perbelanjaan modal yang diluluskan dan dilakukan dalam tempoh lima tahun;
- (ii) elaun infrastruktur sebanyak seratus peratus ke atas perbelanjaan modal yang terlibat dalam pembinaan, membina semula, pembesaran atau memperbaiki apa-apa infrastruktur untuk perniagaan seperti kos pembinaan jeti, pelaburan atau jalan masuk;
- (iii) pengecualian cukai import sepenuhnya untuk selama lima tahun ke atas bahan-bahan mentah dan komponen-komponen yang digunakan untuk membuat barang-barangan siap bagi pasaran tempatan jika bahan-bahan mentah dan komponen-komponen tersebut tidak dikeluarkan di Malaysia; dan
- (iv) galakan pusingan kali kedua bagi taraf printis atau elaun cukai pelaburan.

Kerajaan Negeri Sabah pula telah memberi insentif tambahan kepada projek-projek yang ditempatkan di KKIP iaitu lanjutan tempoh pemilikan tanah daripada 60 tahun kepada 90 tahun, penurunan pembayaran premium tanah sebanyak 30% dan penurunan kadar cukai tanah dari 3% kepada 1%.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa ini banyak rungutan daripada pemilik tanah bahawa pampasan mereka belum selesai dijelaskan. Siapakah yang bertanggungjawab membayar pampasan ini? Adakah kerajaan negeri ataupun pihak kerajaan Persekutuan dan apakah kedudukan pada masa ini dan bilakah perkara ini boleh diselesaikan?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab tanah adalah dalam bidang kuasa kerajaan negeri, maka pampasan pun adalah di dalam bidang kuasa kerajaan negeri.

GEJALA SOSIAL DAN KERUNTUHAN AKHLAK DI KALANGAN GENERASI MUDA - PROGRAM PEMBASMIAN

8. Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan program-program yang sedang dirangka oleh pihak kementerian bagi mengatasi masalah gejala sosial dan keruntuhan akhlak di kalangan generasi muda, termasuk program-program yang melibatkan wakil-wakil rakyat secara khusus, serta kemungkinan peruntukan yang dikhususkan untuk program-program tersebut.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan sedang merancang beberapa program dan aktiviti yang bertujuan untuk terus berusaha membantu mengatasi masalah gejala sosial dan keruntuhan akhlak di kalangan generasi muda. Di antara program yang telah dan sedang diteruskan pelaksanaannya ialah program Rakan Muda yang menawarkan 9 gaya hidup yang dianjurkan secara berterusan pada hujung minggu dan musim cuti persekolahan.

Program Rakan Muda menawarkan berbagai aktiviti untuk disertai anak muda dan keutamaannya didahulukan kepada golongan belia yang berpotensi bermasalah. Program Rakan Muda yang telah dilancarkan pada tahun 1994 telah berjaya menarik minat lebih 1.39 juta anak muda menyertai berbagai aktiviti yang dianjurkan.

Program Rakan Muda bertujuan mengisi masa lapang anak-anak muda dengan terarah dan bermanfaat untuk membentuk perilaku belia yang baik. Di antara program Rakan Muda yang dianjurkan ialah Rakan Rekreasi, Rakan Waja Diri, Rakan Cinta Alam, Rakan Sukan, Rakan Masyarakat, Rakan Reka Cipta, Rakan Wira Usaha dan Wira Mahir, Rakan Kecergasan dan Rakan Seni Budaya.

Selain daripada itu, Kementerian Belia dan Sukan juga telah menganjurkan beberapa program pembangunan belia seperti Program Latihan Kemahiran, Tabung Ekonomi Belia, Program Pembinaan Sahsiah, Program Pimpinan Perdana, Program Latihan Komputer dan Rancangan Pertukaran Belia.

Program Latihan Kemahiran yang disediakan bertujuan memberi latihan kemahiran vokasional dan teknikal kepada belia lepasan sekolah dan yang tidak mempunyai pekerjaan tetap.

Tabung Ekonomi Belia pula menawarkan pinjaman kewangan dengan kadar cukai perkhidmatan 2% kepada belia-belia yang terpilih untuk memula dan mengembangkan perniagaan masing-masing.

Program Pembinaan Sahsiah bertujuan untuk memupuk nilai-nilai murni dan positif di kalangan belia, sementara Program Pimpinan Perdana adalah program khusus untuk melatih para belia dan memperkemaskan diri untuk muncul sebagai pemimpin pelapis negara.

Rancangan Pertukaran Belia adalah untuk memberi pendedahan dan meningkatkan pengetahuan belia tempatan dengan belia luar negara.

Matlamat utama semua program di atas ialah untuk memberi peluang kepada belia melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti yang boleh memberi manfaat kepada mereka dan juga negara. Oleh yang demikian, mereka dengan sendirinya akan terhindar dari terjerumus di dalam gejala-gejala negatif.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan juga telah mengilhamkan satu program baru yang bertujuan untuk membantu menangani masalah gejala sosial remaja. Program yang dicadangkan itu ialah Program Khidmat Sosial. Program ini masih di peringkat penelitian Kementerian Belia dan Sukan dan akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Kabinet Membanteras Masalah Sosial untuk pertimbangan dan keputusan selanjutnya. Sasaran program ini hanyalah untuk calon SPM yang sedang menunggu keputusan peperiksaan sahaja dengan memberi fokus khusus untuk mengisi masa lapang mereka dengan aktiviti-aktiviti menarik, terarah dan bermanfaat.

Di dalam melaksanakan program-program tersebut, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan memang sentiasa dan bersedia bekerjasama dengan lain-lain pihak, termasuk wakil-wakil rakyat dan ketua-ketua masyarakat untuk menentukan kejayaannya. Di antara program-program yang melibatkan wakil-wakil rakyat, pihak NGO, belia dan ketua-ketua masyarakat setempat ialah Program Rakan Muda dan Program Pembinaan Sahsiah.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah menyatakan mengenai pelbagai program Rakan Muda yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Saya difahamkan dahulu kita ada satu program khusus untuk anak-

anak muda kita yang masih di peringkat sekolah, iaitu program Briged Muda - di bawah pelbagai program Rakan Muda iaitu program Briged Muda. Saya ingin tahu sejauh manakah program ini telah dilaksanakan, berapa sekolah yang terlibat dan berapa banyak pelajar sekolah yang terlibat? Sekiranya kita ada program Khidmat Sosial, adakah program Briged Muda ini akan dihentikan?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham program Briged Muda yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Adakah ini oleh kerana di bawah program Rakan Muda yang kita ada ini pun ada satu gaya hidup yang dinamakan sebagai Rakan Muda Briged. Jadi, sekiranya program itu dilaksanakan beberapa tahun yang lalu, saya kena check adakah program ini dijalankan tetapi pada masa kini kita bertumpu kepada Rakan Muda, satu program yang telah diberikan perhatian yang cukup oleh Kabinet dan yang telah dibuktikan bahawa program Rakan Muda ini adalah lebih berkesan dan akan terus dijalankan hingga kita sampai ke akar umbi masyarakat. Walau bagaimanapun, program Briged Muda ini saya akan check dengan pegawai-pegawai dan saya ingin berbincang dengan Yang Berhormat berkenaan dengan butir-butir program Briged Muda yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita semua maklumi bahawa masalah penyakit sosial yang menimpa muda-mudi negara kita sekarang ini ialah peratusan yang banyaknya ialah terdiri daripada belia-belia Melayu yang beragama Islam. Di dalam program yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sekejap tadi iaitu program untuk mengatasi masalah ini ialah mengenai dengan program Rakan Muda, tetapi apa yang saya dapati di dalam program tersebut tidak menampakkan kepada saya satu program di mana program untuk membina insan pemuda-pemudi tersebut kerana dengan kefahaman kepada agama di mana agama Islam itu sendiri menegah pengikut-pengikutnya melakukan perkara-perkara yang tidak baik. Jadi, apakah ada program-program yang dirancang oleh pihak kementerian Yang Berhormat untuk memberi kefahaman tentang Islam kepada belia-belia yang berkenaan?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Kementerian Belia dan Sukan bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa nilai-nilai beragama adalah penting di golongan belia supaya nilai-nilai ini dapat ditanamkan di golongan belia. Kalau dikatakan

program Rakan Muda itu tidak begitu berkesan, tidak begitu menarik kepada Yang Berhormat, ini saya ingat adalah satu pendapat individu. Dengan kajian yang telah dijalankan, program Rakan Muda ini telah dijalankan dengan licin. Seperti apa yang saya sebutkan tadi bahawa lebih daripada 1.39 juta anak muda telah menyertai pelbagai aktiviti dan semuanya telah memberikan keberkesanan.

Selain daripada Program Rakan Muda, seperti saya katakan tadi kita ada program-program lain seperti Program Pembinaan Sahsiah yang ada kaitan dengan tajuk yang disebutkan oleh Yang Berhormat yang mana melalui program ini kita memupuk nilai-nilai murni dan positif di kalangan belia, termasuk nilai-nilai beragama Islam dan sebagainya. Tetapi saya tidak katakan perkataan agama adalah kerana nilai-nilai murni ini termasuk agama-agama yang lain. Jadi, saya yakin bahawa semua program ini telah merangkumi aspek-aspek yang Kementerian Belia dan Sukan boleh membuat sesuatu untuk kebaikan belia dan juga negara.

KHAZANAH HOLDINGS - JUMLAH ANAK SYARIKAT DAN NILAI PELABURAN

9. **Tuan Kamarudin bin Ahmad [Arau]** minta Menteri Kewangan menjelaskan mengenai Khazanah Holdings yang merupakan syarikat yang besar di negara ini; berapakah jumlah anak syarikat yang di bawah tanggungjawab Khazanah Nasional dan berapakah nilai pelaburan yang telah dilaburkan. Berapa peratus dari syarikat-syarikat itu yang berjaya dengan cemerlang.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) adalah sebuah syarikat milikan penuh kerajaan melalui Kementerian Kewangan (Diperbadankan) ataupun dinamakan (MKD). Secara keseluruhannya Khazanah memegang ekuiti dalam 22 syarikat yang menceburi bidang-bidang infrastruktur, tenaga, automatif, perkapalan dan elektronik. Syarikat-syarikat tersebut dapat dibahagikan kepada dua kumpulan. Pertama, syarikat-syarikat pelaburan ekuiti asalnya dimiliki oleh MKD dan kemudiannya dipindahkan kepada Khazanah. Kedua, syarikat-syarikat pelaburan baru yang diceburi terus oleh Khazanah.

Dasar dan kriteria pemilihan pelaburan bagi Khazanah adalah seperti berikut:-

- (i) sebagai pemangkin bagi projek-projek baru berteknologi tinggi;
- (ii) pelaburan di dalam syarikat berkepentingan strategik kepada negara;
- (iii) memberi pulangan yang optimum kepada pemegang saham.

Tuan Yang di-Pertua, sebelas buah syarikat yang dipindahkan dari MKD melibatkan pelaburan sebanyak RM3 bilion. Kadar pulangan bagi tahun 1996 ke atas pelaburan ini di antara 4% hingga 50% setahun diterima dalam bentuk dividen daripada lapan buah syarikat. Pengisytiharan dividen oleh 72.7% syarikat berkenaan merupakan gambaran kemajuan yang menggalakkan oleh syarikat-syarikat tersebut.

Bagi projek-projek baru, komitmen kewangan Khazanah untuk 11 buah syarikat berkenaan sehingga penghujung tahun 1997 ialah sebanyak RM2.1 bilion. Pulangan pelaburan ke atas projek-projek berkenaan tidak dapat ditentukan kerana sebahagian besarnya belum lagi beroperasi.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri membentangkan bahawa Khazanah melibatkan dalam berbagai-bagai syarikat. Sekarang ini kerajaan sedang menuju ke arah pembentukan masyarakat bumiputera pertengahan. Jadi, adakah pihak Khazanah juga akan memberi peluang ataupun ingin melibatkan diri dalam pengusaha-pengusaha ataupun perniagaan-perniagaan pertengahan supaya dapat membantu pengusaha-pengusaha pertengahan ini membangunkan perniagaan mereka dan mewujudkan lebih banyak lagi peniaga atau pengusaha bumiputera di peringkat pertengahan. Dari segi pelaburan luar negara, apakah kriteria yang sama juga dengan kriteria Yang Berhormat terangkan tadi, iaitu pelaburan dalam negeri? Adakah kriteria untuk Khazanah Negara melibatkan diri dalam pelaburan luar negara ini sama? Adakah jaminan pulangan keuntungan daripada pelaburan luar negara dan risiko yang kita hadapi itu boleh menyelamatkan pelaburan Khazanah ini?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanyaan yang berkaitan dengan pengwujudan masyarakat pertengahan bagi kaum bumiputera, salah satu daripadanya ialah syarikat-syarikat yang di bawah PNB itu telah diberi arahan supaya berusaha dengan lebih tegas lagi dalam usaha membina satu masyarakat pertengahan bagi bumiputera. Ini adalah antara banyak langkah yang diambil oleh kerajaan.

Bagi soalan mengenai sama ada kriteria yang sama akan digunakan oleh Khazanah dalam pelaburan di luar negeri, pada dasarnya ini memang akan menjadi satu amalan iaitu biasanya digunakan kriteria yang sama. Walaupun banyak kriteria digunakan itu pelbagai jenisnya, tetapi dari segi perpindahan teknologi mungkin akan diberikan keutamaan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan nilai pelaburan luar negara dan dalam negara dan juga pendapatan yang diperolehi luar negara dan dalam negara iaitu secara berasingan, dan apakah rasional Khazanah hendak melabur di luar negara apabila adalah lebih penting kerana wang ini wang rakyat untuk melabur dalam negara.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi angka-angka yang diminta itu kerana ini adalah satu yang spesifik dan saya perlukan notis. Walau bagaimanapun, seperti yang saya katakan pelaburan kalau yang melibatkan luar negara itu adalah memang untuk kepentingan negara, iaitu dari segi untuk memindahkan teknologi yang baru yang belum terdapat di negara itu. Jadi, kalau ada apa-apa pelaburan di luar negara itu, ini mungkin menjadi satu kriteria yang penting.

MENYENARAI HITAM PEMANDU- UNDANG-UNDANG KESALAHAN JALAN RAYA

10. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada sah di sisi undang-undang tindakan pihak polis meminta JPJ menyenarai hitam pembaharuan lesen jalan oleh pemandu kenderaan yang tidak menjelaskan kompaun kesalahan jalan raya. Bukankah langkah ini mencabuli hak seseorang sebelum beliau dibuktikan salah di mahkamah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, isu sama ada sah atau tidak di sisi undang-undang bagi pihak polis meminta Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) menyenaraihitamkan pembaharuan lesen jalan oleh pemandu kenderaan tidak timbul. Ini kerana peruntukan di bawah seksyen 17(1)(d) Akta Pengangkutan Jalan 1987 telah memberi kuasa kepada Pengarah JPJ untuk tidak memberi lesen kenderaan motor jika ia berpuas hati bahawa pemohon mempunyai perkara-perkara atau hal-hal yang belum selesai dengan JPJ atau Jabatan Polis berhubung dengan apa-apa pelanggaran ataupun kesalahan yang bertentangan dengan Akta Pengangkutan Jalan atau Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila kita disenaraihitamkan oleh pihak JPJ di atas arahan polis, selalunya kita akan diminta oleh pihak JPJ ke balai polis yang berhampiran untuk membayar saman. Persoalan yang saya ingin timbulkan ada dua. Yang pertama, apabila kita sampai di balai polis kita akan dikeluarkan saman, jadi kita ada dua pilihan, sama

ada kita boleh mengaku salah kita terus bayar kompaun, ataupun kita menerima surat saman itu untuk dibicarakan di mahkamah. Jadi, seandainya kita tidak mengaku salah, kita minta dibicarakan, adakah pihak polis boleh mengeluarkan arahan kepada JPJ supaya senarai nama yang tidak mengaku salah tadi boleh dikeluarkan daripada senarai hitam.

Yang kedua, seandainya kesalahan itu dilakukan di luar daerah daripada balai polis yang kita hendak bayar kompaun ini, boleh ataupun tidak pihak polis di daerah yang kita hendak bayar kompaun itu mempertimbangkan rayuan untuk dikurangkan kompaun?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini bukan polis mengarahkan JPJ. Polis tidak boleh mengarahkan JPJ, kerana JPJ bertindak mengikut undang-undang ataupun kuasa yang ada pada mereka. Tadi saya sudah sebut di bawah akta ini telah menyatakan kalau sekiranya masih ada hal-hal ataupun pelanggaran undang-undang yang masih belum selesai antara pemandu dengan polis atau dengan JPJ, maka Pengarah JPJ boleh buat demikian. Jadi, itu bukan suatu arahan polis. Soalan di sini ialah sama ada sesuatu saman ataupun sesuatu kesalahan yang telah dikeluarkan notis saman oleh polis itu sudah selesai atau belum, dan bagaimanakah boleh diselesaikan dengan berkesan. Selalunya kita kena ikut rekod polis sama ada kesalahan itu sudah kompaun, sudah selesai baru JPJ boleh gunakan rekod yang ada tercacat itu. Kadangkala mungkin rekod itu ada kesilapan. Kalau sekiranya ada, kedua-dua pihak perlu mengatasinya.

Soalan kedua yang menanyakan bolehkah saman itu dikompaun atau dikurangkan atau rayuan boleh dibuat kepada - katakan OCPD di satu daerah, kalau saman tidak keluar di situ. Amalan sekarang ialah polis dalam daerah itu keluarkan saman, elok pihak yang boleh terima rayuan ialah pihak atasan di daerah itu juga. Kita tidak mahu seorang OCPD di sini cuba mencampur sesuatu yang dikeluarkan di daerah lain. Kita cubakan amalan ini. Kecuali satu hari kalau pengkomputeran itu baik, kita ada satu standard atau guideline di mana sesuatu jenis kesalahan itu boleh dirayu dan pihak yang boleh menerima rayuan adalah mana-mana satu OCPD. Sistem sekarang kita masih belum sampai tahap itu.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan keputusan Mahkamah Temerloh berkenaan dengan JPJ enggan membaharui lesen jalan, bukankah ini satu perkara yang memalukan kerajaan. Ada di antara yang disenaraihitamkan, mereka telah membayar kompaun dan boleh menunjukkan resit rasmi, dan jikalau resit rasmi telah

hilang atau tercicir, mereka boleh cari salinan resit di balai polis melalui anggota polis yang berhati baik. Ini kadang-kadang terjadi. Soalan saya, sama ada kerajaan bercadang untuk membayar ganti rugi mungkin RM10.00 kepada mangsa-mangsa ini secara automatik, kerana kesulitan dan gambaran yang memalukan yang dihadapi oleh mangsa-mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya soalan ini kerana ini telah dilakukan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang, di mana MPPP telah mengeluarkan notis untuk bayaran ganda kepada mereka yang tidak menjelaskan bayaran parking, tetapi kalau boleh tunjuk bukti, MPPP akan membayar RM3.00 kepada mereka yang mendapat notis untuk bayaran ganda ini. Saya mintalah kerajaan boleh menjelaskan perkara ini.

Tuan Yunus bin Rahmat: Cukuplah sudah faham.

Tuan Ong Ka Ting: Walaupun soalan itu susah sedikit hendak faham, tetapi maksudnya ialah kalau perlukan kerajaan buat ganti rugi, mahkamah sahajalah boleh perintahkan kerajaan berbuat demikian, bukan mana-mana pihak yang mendakwa kata 'saya sudah rugi, you ganti saya.' Saya rasa mahkamahlah pihak yang betul-betul kita boleh ikut.

CUKAI JALAN - JUMLAH KUTIPAN HASIL

11. **Dr. L. Krishnan [Telok Kemang]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah jumlah cukai jalan yang dikutip oleh kementerian daripada pengguna jalan raya pada tahun 1995 dan 1996.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kutipan hasil cukai jalan ataupun lesen kereta motor yang dikutip oleh Jabatan Pengangkutan Jalan bagi tahun 1995 dan 1996 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Kutipan
1995 -	RM1,416,810,562.93 (RM1.4168 bilion)
1996 -	RM1,636,395,385.72 (RM1.6364 bilion)

Untuk makluman lanjut Dewan yang mulia ini kutipan hasil cukai jalan adalah merupakan jenis hasil yang terbanyak di antara kutipan-kutipan yang dilakukan oleh pihak JPJ.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada Kementerian Pengangkutan yang berjaya memungut begitu banyak hasil untuk

kerajaan. Di samping itu juga, suka saya hendak mendapat penjelasan tambahan. Pada anggaran kementerian Yang Berhormat, berapa banyakkah lagi kenderaan yang tidak mempunyai cukai jalan dan juga tidak mempunyai cukai jalan yang sah, seperti lori hantu yang tidak pernah bayar cukai, dan pada anggaran kementerian berapa banyak nilai ini, dan apakah tindakan yang boleh diambil supaya dapat dipungut?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, sebagai jawapan kepada pertanyaan Yang Berhormat mengenai terdapat kenderaan yang tidak membayar road tax ataupun LKM, JPJ memang sukar mendapati jumlah ini sebab kemungkinan ada banyak kenderaan yang bergerak di jalan raya tidak membayar LKM langsung tetapi tidak dikesan oleh pihak polis ataupun JPJ.

Dan mengenai lori hantu, memang kerajaan telah memutuskan iaitu lori-lori hantu yang cuma bergerak bukan di atas jalan raya kerajaan - hanya dalam ladang-ladang - tidak harus membayar road tax tetapi baru-baru ini kerajaan telah pun mengeluarkan satu arahan iaitu semua lori-lori hantu yang berkhidmat di ladang-ladang, termasuk KLIA seumpamanya, (sebab KLIA sekarang mempunyai tidak kurang daripada 20,000 lori-lori yang tidak membayar LKM) supaya semua lori-lori hantu dapat didaftarkan dan lori-lori ini akan diberikan satu tanda iaitu "G", mungkin 'Ghost'lah saya tidak tahu - G [Ketawa] Dalam proses pendaftaran, jika ada setengah daripada lori ini ataupun kenderaan ingin menggunakan jalan raya, maka kenderaan ini akan dikenakan membayar LKM mungkin mengikut suatu sistem kadar yang berbeza-beza. Sekian, terima kasih.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada kutipan yang kita lihat dalam kedua-dua tahun ini merupakan kutipan yang agak banyak yang dilakukan oleh JPJ, tetapi saya ingin bertanya adakah pihak kementerian menyedari bahawa kemungkinan kerajaan juga mengalami kekurangan ataupun kerugian oleh kerana terdapat pemilik-pemilik kenderaan yang telah menukarkan enjin kenderaan mereka terutamanya kenderaan-kenderaan yang melebihi 10 tahun yang daripada c.c. yang kecil ke c.c. yang besar.

Walaupun arahan JPJ mewajibkan pemeriksaan dibuat kepada kenderaan ini apabila mereka siap menukarkan enjin, namun ada juga yang tidak berbuat demikian, soalan saya, adakah kementerian akan mewajibkan pemeriksaan ke atas semua jenis kenderaan yang menukarkan enjin mereka daripada c.c. yang kecil kepada c.c. yang besar supaya

masalah penyelewengan ini tidak dapat dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dan adakah kerajaan juga bercadang untuk mewajibkan pemeriksaan kepada seluruh kenderaan yang berusia 10 tahun ke atas supaya penyelewengan-penyelewengan berkenaan dapat dikesan sepenuhnya. Terima kasih.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, di sini Yang Berhormat dari Jebleu telah membangkitkan dua soalan. Satu mengenai pertukaran enjin c.c. kecil kepada c.c. besar dan kedua terlalu banyak kenderaan yang telah membuat penukaran tanpa memberitahu ataupun tidak dapat kebenaran terlebih dahulu daripada pihak JPJ. Memang kerajaan bercadang untuk memperketatkan lagi dari segi pemeriksaan keatas semua kenderaan yang telah membuat penukaran enjin dan jika terdapat kenderaan-kenderaan mana termasuk kereta motor salon yang membuat penukaran ini tanpa keizinan ataupun kebenaran ataupun tidak diperiksa oleh pihak JPJ terlebih dahulu, maka JPJ akan mengambil tindakan untuk menahan kereta untuk siasatan dan jika terdapat pula bahawa tuan punya ataupun pemilik kenderaan tertentu bersalah, maka mereka akan didakwa di mahkamah.

Mengenai soalan yang kedua iaitu kereta-kereta atau kenderaan-kenderaan yang melebihi 10 tahun sama ada diwajibkan untuk mengadakan pemeriksaan di JPJ sebelum LKM dapat dijelaskan, buat masa ini kerajaan tidak mempunyai cadangan sedemikian tetapi cadangan itu memang cukup bernas. Kita akan mengambil perhatian terhadap perkara ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Dr. Tan Chong Keng.

[Soalan No. 12 - Y. B. Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam) tidak hadir]

PEMBINAAN JAMBATAN SUNGAI KURAU

13. **Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail [Bagan Serai]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah beliau sedar bahawa sebuah jambatan bagi menyeberang sungai Kurau dari Kampung Jalan Banjar, Masjid Tinggi ke Kampung Ladang Kelompang sangat diperlukan. Hanya jambatan jenis sederhana dikehendaki. Seramai lebih 50 orang anak-anak Sekolah Rendah Dato' Haji Masod terpaksa menyeberangi sungai ini setiap hari tanpa apa-apa jaminan keselamatan.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja

Raya sedar akan keperluan jambatan bagi menyeberangi Sungai Kurau dari Kampung Jalan Banjar, Masjid Tinggi ke Kampung Ladang di Kelompang. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya kerana projek tersebut telah disenaraikan di bawah program pembangunan luar bandar yang mana terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kementerian Kerja Raya bagaimana pun akan menyampaikan permohonan Yang Berhormat secara bertulis kepada kementerian yang berkenaan supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan 13 ini menyentuh keselamatan murid-murid sekolah, jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pihak kementerian Yang Berhormat bercadang untuk membina jejantas di hadapan sekolah-sekolah untuk memberi kemudahan murid-murid melintasi jalan-jalan raya terutamanya sekolah-sekolah di luar bandar kerana di luar bandar ini walaupun depan sekolah ia sudah tulis 25 kilometer sejam tetapi kenderaannya begitu laju. Jadi, kebanyakan sekolah ini dibina di tepi-tepi jalan raya. Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk membina jejantas membuat kajian supaya sekolah-sekolah tertentu ini diberi kemudahan jejantas kepada murid-murid sekolah.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, itu sememangnya hasrat kita. Jika ada keperluan daripada negeri-negeri yang berkenaan di mana keperluan ini wujud, insya-Allah, kita akan lakukan perancangan untuk membina jejantas-jejantas yang diperlukan. Terima kasih.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, untuk pembinaan jambatan ini telah diura-urakan sejak tahun 1992 lagi. Jadi, perkara ini telah dihebohkan dahulu untuk mengadakan jambatan ini. Hingga sekarang keadaan penduduk di situ bukan sekadar 50 orang anak-anak sekolah ini sahaja, bahkan ramai penduduk yang melintasi sungai itu dengan menaiki perahu dan cara mereka menggunakan perahu itu memanglah dikhuatiri tidak selamat. Maka dengan itu, bolehkan pihak Kementerian Kerja Raya untuk membantu mengadakan feri dan juga alat-alat keselamatan sekali.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, oleh kerana bidang kuasa pelaksanaan projek ini terletak di bawah tangan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan di mana JKR menjadi satu badan pelaksana, kita akan menyampaikan cadangan ini, insya-Allah, jika diarahkan kita akan buat kajian dan

seterusnya melaksanakan jika ada peruntukan bagi maksud projek ini. Terima kasih.

PERMIT TEKSI - BILANGAN/HUKUMAN

14. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan bilangan permit teksi sebab dan hukuman yang dijatuhkan ke atas pemandu-pemandu teksi berikutan tindakan Kementerian menarik balik permit.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, sejak awal tahun ini pihak Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dan juga Jabatan Pengangkutan Jalan telah meningkatkan usaha bagi menguatkuasakan beberapa peraturan terhadap pemandu teksi. Antara tumpuan penguatkuasaan ini termasuklah terhadap pemandu-pemandu:

- (i) enggan mengambil penumpang;
- (ii) tidak menggunakan meter;
- (iii) mengenakan tambang berlebihan; dan
- (iv) bersikap kasar terhadap penumpang.

Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, pihak Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan telah pun membatalkan sebanyak 58 permit teksi, menggantungkan 3 lagi permit selama 3 bulan dan memberi amaran kepada 6 pemegang permit.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin memaklumkan bahawa tindakan penguatkuasaan ini dijalankan setiap hari dan pihak Kementerian berharap akan wujud, dengan izin, self-discipline di kalangan pemandu dan syarikat demi untuk menaikkan imej pemandu teksi supaya mereka menjalankan tugas dengan cekap, amanah, bertanggungjawab dan penuh berdisiplin.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bercakap tentang teksi ataupun limousine ini, kita dapat lihat hari ini teksi lapangan terbang begitu daif sekali hinggalah boleh dikatakan tidak layak dipanggil limousine kerana ini menggambarkan - bila orang turun datang ke negara kita ini, orang ingat Malaysia ini dengan prestasi yang baik, mengharap bila dia turun dan naik teksi ini, mahulah teksi yang agak selesa sedikit, untuk local pun tidak sesuailah - Jadi, adakah pihak Kementerian ingin mencadangkan supaya bagi menaikkan imej Malaysia ataupun kereta Malaysia, kita pastikan Proton Limousine dijadikan teksi mewah untuk lapangan terbang walaupun c.c.nya kadang-kadang tidak sampai ke tahap tetapi mungkin kita beri kelonggaran supaya pelancong-pelancong datang ke Malaysia ini dia naik kereta

buatan Malaysia. Jadi, dengan tersendirinya akan memberi imej yang baik kepada Malaysia selain daripada kita beli kereta recond daripada Singapura dan jadikan limousine yang boleh dikatakan kelas tiga.

Dan satu lagi kalau bolehlah, bolehkah Kementerian mengadakan kursus-kursus kepada pemandu-pemandu teksi ini sebelum mereka diberi lesen memandu teksi itu kerana kadang-kadang bahasa mereka bercakap pun kelam kabut. Ada juga pemandu teksi dia hentam kerajaan, dia marah kerajaan itu dan ini kerana dia tidak faham. Jadi, bayangkanlah kalau ada penyokong PAS dan DAP, permit mereka dapat tetapi hentam pula kerajaan *[Disampuk oleh pihak pembangkang]* Ada! *[Bercakap dalam bahasa Cina]*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Jadi, adakah pihak Kementerian itu bersetuju supaya kita adakan kursus dan apabila mereka lulus kursus ini - general knowledge about Malaysia ataupun tentang siapa dia menteri Kabinet, tentang pendapatan Malaysia, ekonomi Malaysia dan sebagainya. - Jadi, bila kita naik teksi itu pelancong-pelancong, dia boleh berdialog dengan pemandu teksi. Tidak payahlah dia kata kerajaan Malaysia tidak bagus, itu tidak bagus, ini tidak bagus, macam PAS dan DAP dok katalah macam ini. Macam mana, Yang Berhormat bersetuju atau tidak? Terima kasih. *[Ketawa]*

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan Yan. *[Ketawa]* Mengenai kursus, pihak Kementerian telah pun menjalankan kursus yang pertama tiga minggu yang lalu untuk kira-kira 50 orang pemandu teksi yang sedang memandu teksi. Kita telah pun berbincang dengan JPJ dan JPJ akan menjalankan kursus bagi memastikan bahawa mereka yang diberikan lesen PSV itu sebelum diluluskan lesen akan perlu menduduki kursus dan lulus kursus berkenaan. Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mengambil tindakan, cuma ia mengambil masa sedikit.

Mengenai keadaan teksi yang daif, kita mengakui bahawa teksi di lapangan terbang ada yang daif dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat bermula dari Januari tahun hadapan kita akan mula beroperasi di Sepang dan kerajaan telah pun mengeluarkan tender untuk memilih syarikat yang akan mengendalikan perkhidmatan airport limo daripada Sepang ke Kuala Lumpur khususnya dan beberapa syarat telah ditetapkan untuk memastikan bahawa teksi yang digunakan itu merupakan teksi yang baru, bukannya teksi yang robek, yang daif seperti kata Yang Berhormat.

Mengenai Proton Limo, kelulusan khas diberikan kepada kereta jenis ini untuk membawa penumpang airport di Terminal 2. Ini diuruskan oleh Syarikat Limora, tidak banyak tetapi ada walaupun kalau mengikut peraturan yang diperlukan ialah 2,000 c.c. ke atas. Proton Limo ini c.c.nya rendah sedikit tetapi kelulusan khas diberikan untuk beroperasi di Terminal 2. Bermula Januari tahun hadapan, kita percaya bahawa masalah yang berbangkit pada hari ini akan dapat diselesaikan baik dari segi keadaan teksi yang daif mahupun pemandu-pemandu yang kurang sopan.

Tuan Tan Kok Wai: Saya memang bersetuju bahawa pemandu-pemandu yang didapati bersalah dihukum tetapi saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri juga. Bagaimana pula pemandu-pemandu teksi yang dikecewakan kerana layanan yang tidak adil yang diterima daripada syarikat pemilik atau syarikat teksi yang mereka menyewa kereta teksi seperti membantu mereka daripada eksploitasi syarikat seperti sewa teksi yang tinggi seperti syarat-syarat penyewaan yang tidak adil dan juga ada syarikat teksi yang pernah berjanji untuk memberi sebahagian saham syarikat kepada pemandu-pemandu teksi tetapi gagal berbuat demikian?

Seorang Ahli: Soalan tidak lengkap.

Tuan Tan Kok Wai: Soalan sudah ditimbulkan tetapi kerana ringkas dan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, soalnya?

Tuan Tan Kok Wai: baik tidak serupa seperti Yan...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk dalam bahasa Cina]*

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kadar sewa, kerajaan telah memilih 8 buah syarikat yang diharap akan meletakkan, dengan izin, industry standard di mana kadar sewa ditetapkan RM40 sehari ataupun kurang. Hari ini kita dapati bahawa ada syarikat mengenakan kadar sewa RM43-RM45 sehari. Jadi, kita telah memilih 8 buah syarikat yang akan menetapkan industry standard di mana bukan sahaja kadar sewa RM40 sehari, tetapi juga syarat-syarat sumbangan kepada EPF, SOCSO, gaji bulanan telah pun ditetapkan. Kita berharap 8 buah syarikat yang dipilih ini akan memaksa syarikat-syarikat lain untuk dengan izin, follow suit supaya masalah yang dibangkitkan, layanan yang tidak adil ini dapat kita kurangkan.

PEKEBUN KECIL GETAH - BANTUAN TANAMAN SEMULA

15. Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin [Muar] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah bantuan-bantuan yang diberi kepada pekebun-pekebun kecil getah untuk menanam semula ladang mereka dan berapa banyakkah bantuan wang yang diberi bagi tiap-tiap 1 hektar dibandingkan dengan bantuan wang yang diberi kepada ladang-ladang (lebih daripada 100 hektar luasnya).

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]: Tuan Yang di-Pertua, bantuan yang diberikan kepada pekebun-pekebun kecil getah untuk menanam semula ladang mereka adalah berbentuk wang tunai, benih tanaman dan baja.

Kadar bayaran bantuan kepada pekebun kecil yang menanam semula getah ialah RM6,177.12 sen satu hektar. Walau bagaimanapun, selaras dengan dasar kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh supaya sektor pertanian menuju ke arah lebih komersil, RISDA telah diminta mencari sumber pembiayaan dalaman atau lain-lain. Pada masa ini bantuan diberi pada kadar RM2,000 sehektar sebagai pendahuluan sementara RISDA mengkaji sumber-sumber lain. Perkara ini akan dibawa kepada Mesyuarat Jemaah Menteri untuk keputusan muktamad.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sepertimana yang kita sedia maklum salah satu sebab kekurangan pengeluaran getah di seluruh negara ialah oleh kerana banyak pekebun kecil getah tidak berminat untuk menoreh getah mereka.

Saya ingin tahu apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan pekebun-pekebun kecil getah menoreh pokok getah mereka dan sejauh manakah kerajaan telah berjaya dalam usaha untuk memperkenalkan kaedah torehan baru seperti 'puncture method' kepada pekebun-pekebun kecil getah kita di Malaysia?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, lebih daripada 40% hingga 50% pekebun kecil adalah lingkungan umur 45 tahun hingga 55 tahun. Generasi muda tidak berminat untuk bekerja di ladang-ladang, oleh sebab itu kerajaan bercadang untuk berusaha sama dengan pihak swasta untuk meningkatkan ataupun mengusahakan bersama bagi menanam semula kebun-kebun ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Soal-Jawab Mulut telah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 3, 4, 12 dan 16 hingga 49 dijilid dalam buku berasingan]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

Pasukan Kriket Israel Menyertai Pertandingan Kriket Antarabangsa di Kuala Lumpur - Penentangan oleh PAS

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila Yang Berhormat.

3.37 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]: Bismillahir-rahmanir-rahim.

Tuan Yang di-Pertua, Usul Menangguhkan Majlis Dewan Rakyat di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk membincangkan masalah tindakan kerajaan membenarkan Pasukan Kriket Israel menyertai pertandingan Kriket Antarabangsa di Kuala Lumpur. *[Disampuk]*

Di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2) ingin saya memberitahu bahawa bagi mendapatkan izin *[Disampuk]* Mesyuarat Dewan Rakyat untuk membincangkan suatu perkara tertentu, kepentingan orang ramai, yang perlu disegerakan, iaitu masalah kerajaan membenarkan Pasukan Kriket Israel menyertai Pertandingan Kriket Antarabangsa di Kuala Lumpur dan Usul saya adalah berbunyi:

- (1) Menyedari bahawa kedaulatan kesucian agama sesungguhnya mengikut peruntukan yang termaktub di dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan, bahawa Islam adalah agama rasmi negara.
- (2) Menyedari bahawa Israel satu bangsa yang bongkak, entiti haram, yang melakukan tindakan kejam dan ganas secara langsung ataupun mendalangi berbagai penganiayaan dan kezaliman terhadap umat Islam sejak beratus tahun sehingga ke zaman ini.
- (3) Menyedari bahawa negara Israel sebuah entiti haram yang ditegakkan oleh Amerika, Inggeris dan Perancis yang dibelenggu oleh zionis dan tidak pernah diiktiraf oleh Malaysia, bahawa Israel masih meneruskan dasar peluasan egominis, politik, ekonomi, pendidikan dan budaya yang disokong kuasa besar dunia.
- (4) Menginsafi bahawa umat Islam rantau Timur khususnya di Malaysia perlu dihindar daripada bencana kerosakan dan mala

pelaka akibat kegiatan Israel berselindung di sebalik sukan di negara ini.

Maka di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), Majlis Mesyuarat hari ini mengizinkan Ahli Yang Berhormat Parlimen Tumpat (Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood) menangguhkan Majlis Mesyuarat ini untuk membincangkan isu tindakan kerajaan membenarkan Pasukan Kriket negara haram Israel mulai 24hb. Mac lalu selama satu bulan menyertai Kejohanan Tropi Majlis Kriket Antarabangsa (ICC) 1997 di Kuala Lumpur:

- (i) bahawa semuanya bererti mengundang berbagai ancaman dan malapetaka dari segi keselamatan dan kesejahteraan ummah di samping membelakangi keutuhan ummah atau maruah, keprihatinan dan sensitiviti rakyat dan khususnya umat Islam di Malaysia serta mengarahkan Kerajaan Malaysia supaya selepas ini tidak lagi mengeluarkan visa kepada mana-mana warganegara Israel dan melarang mana-mana rakyat negara ini memasuki Israel atas apa alasan sekali pun serta tidak membenarkan ahli-ahli politik dan para pegawai Kerajaan Malaysia mengadakan sebarang hubungan dengan kerajaan dan rakyat Israel, kerana ia adalah satu perkara yang tertentu, kepentingan orang ramai dan hendaklah disegerakan;
- (ii) tiga minggu lalu dalam membahas Titah Ucapan Diraja, Yang Berhormat Ahli Parlimen Marang telah membangkitkan isu kehadiran Pasukan Kriket negara haram Israel dengan mengeluarkan berbagai alasan dan hujah yang mendesak pihak kerajaan menghantar pulang segera Pasukan Kriket negara haram Israel itu. PAS sebagai sebuah parti yang prihatin dan menyedari kepentingan kesucian agama dan kesejahteraan umat Islam dirasakan terancam dan terhina di atas perkara-perkara itu. Maka baru-baru ini PAS telah menyampaikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memorandum bantahan terhadap tindakan kerajaan menyeludupkan Pasukan Kriket negara haram Israel itu menjejaskan kaki di negara kita yang tercinta ini; dan

- (iii) response pihak kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa tindakan mengadakan demonstrasi dan membantah kehadiran pasukan Israel itu dikatakan suatu helah untuk mengajar dan menyedarkan pemimpin dan rakyat Israel bahawa orang Islam di Malaysia ini berfikir waras kononnya. Dalih Perdana Menteri itu adalah 'dangkal', tidak masuk akal dan sia-sia belaka.
- (5) Yahudi Israel adalah satu bangsa yang bongkak, membunuh para Nabi dan Rasul dan terdiri kaum mereka.

Setahun lalu mereka membunuh Perdana Menteri mereka sendiri dan baru-baru ini juga pemimpin Yahudi Israel telah memungkiri apa yang dikatakan syarat-syarat perjanjian damai dengan Yasser Arafat dan mengarahkan pasukan tenteranya membina rumah-rumah kediaman baru di kawasan yang telah diisytiharkan menjadi autonomi penduduk Palestin.

- (6) Oleh itu di atas segala pandangan pihak kerajaan yang tidak munasabah dan sia-sia itu saya ingin menyatakan di sini bahawa sensitiviti umat Islam telah tergugat dan terganggu. Dengan itu juga saya ingin tegaskan bahawa pihak kerajaan adalah sebagai pencetus kemarahan rakyat khususnya umat Islam dan pihak kerajaan juga adalah bertanggungjawab di atas apa sahaja reaksi yang dicetuskan oleh umat Islam dan rakyat di negara ini. Maka dengan itu pada hari ini saya menyeru dan memohon Majlis Dewan Rakyat harus ditangguhkan untuk membahaskan isu penting yang tertentu, kepentingan orang ramai dan hendaklah disegerakan.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tumpat pada 9hb. April, 1997 jam 8.50 pagi. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu mematuhi 3 syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini tertentu dan bagi kepentingan orang ramai. Walau bagaimanapun, pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan.

Kita telah termaklum bahawa Pasukan Kriket Israel itu telah berlepas pulang ke negara mereka. Jika setakat hendak membahaskan untuk mengarah kerajaan selepas dari ini tidak lagi mengeluarkan visa kepada mana-mana warganegara Israel dan melarang rakyat Malaysia mengadakan lain-lain hubungan dengan mereka itu, perkara ini bukanlah boleh dikatakan satu perkara yang perlu disegerakan, tambahan pula Yang Berhormat dari Marang telah pun membahaskan perkara ini dalam Dewan ini semasa membahaskan Titah Ucapan Diraja dan kerajaan telah menjawabnya.

Di antara lain-lain jawapan itu bahawa tujuan kerajaan membenarkan Pasukan Kriket Israel datang mengambil bahagian di dalam Kejohanan Piala Kriket Antarabangsa di Malaysia adalah untuk menunjukkan pada golongan muda Israel akan wajah sebenar Islam yang selama ini tertutup ekoran permusuhan yang berterusan Israel dengan negara-negara Arab. Oleh yang demikian, tidak perlu diadakan perbahasan lagi di atas perkara yang sama.

Selain dari itu pemimpin-pemimpin Arab sendiri telah mula hendak berbaik-baik dengan orang-orang Yahudi dengan mengadakan rundingan-rundingan damai sesama mereka. Untuk ini mereka telah bertemu sesama sendiri dan berjabat-jabat salam. Mereka juga bertukar-tukar lawatan ke negara masing-masing, bahkan ada negara Arab yang telah mengiktiraf Israel. Oleh itu, kita yang tidak terlibat secara terus dengan Israel itu hendaklah memahami kedudukan di negara-negara Arab itu.

Kita tidak seharusnya mengambil apa-apa tindakan keterlaluan hingga tidak membenarkan satu pasukan sukan Israel yang datang bermain di negara kita. Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini. [Tepuk]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE
DALAM MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG TELEPERUBATAN
1997**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan dan pengawalan amalan teleperubatan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kesihatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN
AHLI FARMASI (PINDAAN) 1997**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kesihatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN
TAMBAHAN**

(1996 DAN 1997) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
(TAMB.)(BIL.4)1996**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia empat ratus sembilan puluh satu juta, enam ratus enam belas ribu, lapan ratus lapan puluh satu (RM491,616,881) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1996, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia empat ratus sembilan puluh satu juta, enam ratus enam belas ribu, lapan ratus lapan puluh satu (RM491,616,881)

bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 1997 an yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut. [9hb. April, 1997]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan sila sambung.

3.45 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung kembali perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini iaitu mengenai persoalan-persoalan yang telah dibahaskan, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian.

Saya mohon kepada Tuan Yang di-Pertua mengenai perkara-perkara rasuah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian, mengenai rasuah juga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Yang Berhormat dari Tanjong. Saya minta keizinan kepada Tuan Yang di-Pertua agar perkara-perkara ini dijawab oleh Jabatan Perdana Menteri sendiri semasa di peringkat Jawatankuasa. Kerana saya khuatir kalau saya menjawabnya, kalau ada perkara-perkara yang lebih lanjut hendak ditanya, kemungkinan saya tidak dapat menjawab. Jadi saya mohon daripada Tuan Yang di-Pertua supaya dibenarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Yang Berhormat dari Jelevu telah pun bertanyakan mengenai isu-isu lesen 'L' dan sebelum diluluskan tidak dibenarkan membawa motosikal dan ini memang mempunyai cadangan-cadangan yang telah diajukan oleh pihak JPJ tetapi ini hanya di peringkat kajian sahaja dan tidak ada sebarang keputusan lagi dibuat dan saya percaya Kementerian Pengangkutan akan mengambil kira apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jelevu.

Mengenai yuran yang berbeza-beza di negeri-negeri, ini adalah kerana yuran dibayar di Kuala Lumpur memang lebih pada setengah tempat, macam di Kangar atau di Alor Setar. Walau bagaimanapun, JPJ sedang meneliti perkara ini

supaya keseragaman yuran dapat diselaraskan jika munasabah dilakukan.

Yang Berhormat dari Kepong telah pun membangkitkan perkara-perkara gejala sosial cyber crime dan bermacam-macam lagi dan dia mengajukan bahawa pembangunan material mestilah diseimbangkan dengan pembangunan rohani. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Kepong mengenai perkara ini. Dan beliau juga mengesyorkan supaya daripada Tadika sampai usia ke 18 tahun anak-anak kita mesti dipupuk dengan nilai-nilai yang murni. Saya juga bersetuju dengan perkara ini kerana dari psikologinya anak, bayi kita antara umur 0 hingga 4 tahun mula menampilkan personaliti dan sahsiah kalau dapat dibendung dan diasuh dengan baik. Mengenai Rukun Negara sepertimana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Kepong, saya juga bersetuju bukan sahaja diletakkan di kulit-kulit buku ataupun di dinding-dinding mural di sekolah-sekolah tetapi hendaklah juga dihayati.

Mengenai kejuruteraan genetik seperti sheep cloning dan sebagainya, perkara ini perkara baru dan kerajaan akan berbincang dengan Pusat Islam, Kementerian Kesihatan dan AG untuk mengadakan akta sepertimana yang diutarakan oleh Yang Berhormat dari Kepong.

Yang Berhormat dari Tumpat telah pun menyatakan mengenai bahawa PAS di Kelantan apabila membuat sesuatu itu lebih melihat kepada Quran dan Hadis tetapi Barisan Nasional khususnya UMNO selalu bertanya kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri sahaja. Saya rasakan perkara ini terlalu dangkal dan terlalu cetek untuk kita debatkan di sini dan saya rasakan kalau perkara pokok itu tidak usahlah difikirkan. Perkara pokok itu semua orang sudah tahu dan kita tidak mahu berdebat tentang perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat juga mengatakan mengenai gejala sosial kerana beliau bukan menteri. Saya rasakan perkara inipun, tidak harus datang dari Yang Berhormat dari Tumpat daripada PAS kerana saya rasakan surah At-Tahrim dalam juzuk yang berikut, iaitu Allah S.W.T. telah berfirman yang bermaksud, "Wahai orang-orang yang beriman peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api neraka". Jadi ini kita tujukan balik kepada basik iaitu kepada keluarga dan juga hadis Nabi Muhammad s.a.w. telah pun bersabda yang bermaksud, "Kamu semua adalah pemimpin dan setiap kamu kelak akan ditanya tentang kepemimpinan kamu". Kalau kita balik kepada basik kepada

keluarga, masalah menunding jari kepada orang lain tidak akan timbul sepenuhnya hasil daripada masalah sosial dan gejala-gejala yang ada di waktu ini.

Yang Berhormat dari Gelang Patah.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Tumpat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, masalah sekarang ini yang saya timbulkan ialah masalah peranan kerajaan itu sendiri. Dan sebagaimana saya nyatakan, segala masalah dirujuk kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan saya telah memberi bukti kelmarin ada dalam satu isu di mana dinyatakan sendiri oleh pihak Mufti Perak, sepatutnya persoalan itu atau isu yang telah diberi jawapan oleh pihak Menteri di Jabatan Perdana Menteri seharusnya sebelum daripada itu dibincang dalam Majlis Fatwa Kebangsaan. Tetapi oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dinyatakan bahawa itu telah pun dibincang, tetapi setelah dirujuk kepada beberapa mufti yang terlibat dalam hal tersebut menafikan bahawa mereka tidak pernah diminta pendapat dan saya rasa apa yang saya kemukakan ini tidak cetek, ini satu fakta. Saya ingin mengetahui dalam Parlimen ini apa kenyataan yang telah dikeluarkan oleh pihak Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu telah dirujuk kepada Majlis Fatwa ataupun tidak? Itu soalnya, terima kasih. Bukan marah tu.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Saya telah pun mengamati segi siri perbincangan dan hasil daripada percakapan-percakapan ahli-ahli PAS sendiri, kalau misalnya dulu apabila dikatakan bahawa PAS boleh bekerjasama dengan UMNO sekiranya UMNO mengikut syarat pertama, hendaklah mengikut Islam. Jadi saya rasakan syarat seperti itu, itu fundamental, tidak perlu ditanya lagi, kerana ini kalau di kampung boleh dikatakan begitu tapi kalau Dewan Parlimen dikatakan begitu, itu menjatuhkan maruah ahli-ahli Parlimen yang lain. Yang keduanya, apabila perbincangan itu semalam dengan Yang Berhormat dari Yan, Yang Berhormat sendiri mengatakan, "Saya parti PAS bukannya Menteri. Kalau menteri, saya boleh buat." Saya merujuk kepada ayat Al-Quran sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat sendiri dan kepada Hadis sebagaimana pegangan Yang Berhormat sendiri bahawa kita kena balik kepada diri kita dahulu, jangan kita merujuk kepada orang lain.

Mengenai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, saya rasakan itu merupakan satu khilafiah sendiri, sama ada boleh atau tidak diadakan rakaman itu atau dikumandangkan rakaman itu, saya rasakan ini merupakan satu khilafiah. Kalau kita tengok dari segi struktur Jabatan Agama Islam itu sendiri, di peringkat kebangsaan, kita ada Majlis Fatwa Kebangsaan yang dianggotai oleh semua Mufti-mufti Negeri. Tetapi apabila Mufti-mufti balik ke negeri masing-masing, mereka mempunyai juga Majlis Jawatankuasa Fatwa Negeri. Jadi mereka juga akan berbincang perkara ini. Oleh kerana itu, separuhnya mengatakan bahawa apa yang dibincangkan di Majlis Fatwa Kebangsaan kemungkinan tidak diterima oleh Majlis Fatwa Negeri tetapi dalam banyak hal diterima, ini merupakan khilafiah.

Yang Berhormat dari Gelang Patah telah menyatakan dan membahaskan mengenai Undang-undang Perbekalan Tambahan semalam mengenai pepejal dan sebagainya. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengucapkan terima kasihlah kepada cadangan-cadangan yang disyorkan, yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Gelang Patah itu mengenai pengswastan sistem pepejal yang kini sedang dipertimbangkan oleh kerajaan Persekutuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkenaan dengan bakal konsortium yang akan mengambil alih pengurusan sistem pepejal di seluruh negara sedang giat dijalankan. Sehubungan dengan ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang memberi perhatian kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah.

Berhubung dengan pengswastan tempat letak kereta oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Gelang Patah semalam, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ingin memaklumkan bahawa peraturan dan kadar bayaran tempat letak kereta yang dilaksanakan oleh sebuah PBT adalah tertakluk di bawah undang-undang kecil pelesenan tempat letak kereta yang digunakan oleh PBT yang berkenaan dan kebiasaannya kadar bayaran ditentukan berdasarkan kepada faktor penawaran dan permintaan. Selalunya kadar bayaran di bandar besar lebih tinggi daripada dengan bandar kecil dan kadar bayaran di kawasan pusat bandar, kawasan pasar atau mana-mana kawasan tumpuan adalah lebih tinggi berbanding dengan tempat-tempat yang lain.

Berkaitan dengan isu CF sementara boleh dikeluarkan sungguhpun lif belum siap bagi bangunan yang melebihi 4 tingkat adalah berpandukan kepada kehendak yang ditetapkan di

bawah undang-undang kecil 25 (1), Undang-undang Kecil Bangunan Seragam atau UKBS 1984.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya pengeluaran CFO sementara dimansuhkan, kementerian akan mengkaji syor yang diberikan sebelum memutuskan perkara ini.

Yang Berhormat dari Yan telah membangkitkan beberapa perkara semalam ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Kota Melaka minta jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya tentang kelaziman pemberian CF sementara ini. Adakah ini diamalkan oleh semua negeri atau hanya negeri-negeri tertentu? Kerana ini merupakan satu punca penyelewengan yang boleh berlaku apabila ia boleh mengetepikan, semua peraturan yang ditetapkan dan bukan satu perkara yang remeh atau yang kecil. Contohnya yang saya beri semalam, seperti jejambat awalnya disyaratkan dibina tetapi jejambat tidak dibina. Kalau ini tidak bina, ia mungkin berlaku kemalangan kerana jalan ini kalau pembeli-pembeli atau pelanggan hendak melintasi jalan raya yang sangat sibuk, siapakah yang akan bertanggungjawab kalau kemalangan berlaku? Adakah semua kena bergegas untuk melintasi jalan raya? Saya rasa itu bukan perkara yang remeh dan pihak kerajaan pusat harus mengambil tindakan kalau perkara seperti ini berlaku penyelewengan, dilakukan oleh kerajaan negeri. Tidak boleh dibiarkan begitu sahaja. Y a n g kedua tentang apa yang saya bangkitkan semalam, tentang Wajar Mutiara, kontrak di mana pembayaran RM6 juta dibuat. Adakah jaminan akan diberikan oleh Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan jawab nanti? Kerana kalau dia tidak jawab, perkara ini akan ditutup sekali lagi. Bolehkah jaminan diberikan bahawa beliau tidak akan lari apabila tunggu gilirannya pula? Sekian.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Yang Berhormat, oleh kerana perkara Yang Berhormat bangkitkan tadi mengenai local government atau kerajaan tempatan di bawah kerajaan negeri dan saya cakap tadi kalau mengenai lif dan sebagainya kita ada di bawah undang-undang kecil dan banyak perkara mengenai CF ini dijalankan di bawah undang-undang kecil. Saya akan bawa perkara ini ke peringkat kementerian kerana mereka ada satu jawatankuasa mengkaji semua usul-usul dan perkara-perkara yang dibangkitkan di peringkat tempatan yang dibawa ke peringkat kementerian untuk dibincangkan bersama.

Mengenai jaminan dan sebagainya, Yang Berhormat, saya rasakan kita mempunyai 'collective responsibility', dengan izin. Jadi saya berasa Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri tidak akan lari untuk menjawab soalan-soalan mengenai rasuah yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semalam.

Yang Berhormat dari Yan telah menanyakan mengenai kelewatan guru-guru agama menerima gaji ataupun elaun-elaun mereka terutamanya di negeri Selangor yang telah dibangkitkan semalam. Sukalah saya menyatakan bahawa jabatan-jabatan Agama Islam Negeri melaksanakan sistem pendidikan Islam bersepadu di sekolah-sekolah rendah agama. Sistem ini merangkumi pendidikan Kelas Agama Islam Kerajaan Negeri dan juga Kelas Fardhu Ain yang dibuat secara integrasi. Kerajaan Pusat melalui JAKIM mengemukakan peruntukan yang telah diluluskan kepada negeri-negeri berkenaan dan bagi membiayai kelas KAFA sahaja yang mana pengurusan dikendalikan sepenuhnya oleh kerajaan negeri.

Jadi perkara yang dibangkitkan semalam mengenai guru agama Islam di Selangor, saya telah pun memberitahu pegawai kewangan negeri pada malam tadi dan kerajaan negeri telah bersetuju bahawa proses pembayaran elaun guru-guru KAFA hendaklah dibayar sama seperti guru-guru yang berjawatan tetap. Kalau misalnya gaji guru-guru agama KAFA ini dikatakan elaun kebiasaannya gaji dibayar dulu, elaun perbatuan dibayar kemudian dan elaun lebih masa dibayar kemudian. Tetapi kalau elaun ini kita katakan sebagai gaji, maka gaji itu akan dibayar sebagaimana dibayar gaji kepada guru-guru yang lain. Selain daripada itu, elaun guru-guru KAFA akan dimasukkan dalam akaun bank mereka. Tidak lagi seperti dulu, dulu mereka datang dan menandatangani baucher dan sebagainya. Dan apa yang akan dibuat agar melantik guru-guru KAFA kepada guru kontrak yang dicadangkan, berkuatkuasa pada April 1997 ini.

Mengenai UIA, adalah menjadi dasar kerajaan untuk tidak memberi kontrak kepada kontraktor-kontraktor yang tidak dapat menyiapkan kerjanya

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan Setiausaha Parlimen. Bercakap mengenai dengan pegawai-pegawai atau guru-guru agama ini ada satu bahagian iaitu hakim-hakim Mahkamah Syariah. Pada masa ini Mahkamah Syariah adalah dibawah kuasa kerajaan negeri. Timbul beberapa masalah iaitu pertama, status hakim-hakim ini tidak

menentu dan skel gaji mereka pula tidak tetap. Kemudian peluang-peluang mereka naik pangkat tidak ada, kerana mereka ini dalam sistem tertutup. Pengalaman-pengalaman mereka juga terhad. Banyak juga kes-kes yang tidak diselesaikan misalnya, kes-kes penceraian, ada yang sehingga tiga tahun tidak selesai. Sepatutnya kes-kes penceraian ini apabila lepas edah, sepatutnya selesailah, supaya yang bercerai ini boleh kahwin lagi, kahwin lain. Lebih-lebih lagi apa yang dikatakan bila dia makan pil mengawan, dia nak mengawan cepat, jadi kalau tiga tahun tidak selesai, jadi macam mana cara kita membantu menyelesaikan kes-kes ini.

Kemudian, kes-kes ini juga tidak dapat dirujuk kepada Mahkamah yang lebih tinggi ataupun hakim yang lebih tinggi seperti Mahkamah Sivil, Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Agung, tetapi Mahkamah Syariah adalah sistem tertutup. Persoalannya apakah kerajaan mengkaji agar Mahkamah Syariah ini boleh di 'centralise' supaya hakim-hakim ini boleh bertukar di antara satu negeri dengan negeri lain. Misalnya proses naik pangkat, kemudian bertukar pengalaman dan juga untuk menyegerakan kes-kes ini supaya tidak tertangguh. Berapa negerikah yang telah menyatakan persetujuan supaya proses sentralisasi ini dapat dilaksanakan? Dan apakah cadangan kerajaan mengenai dengan proses ini? Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd Salleh: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Sipitang, saya minta maaf semalam Yang Berhormat dari Yan pun ada menyatakan masalah ini. Jadi berhubung dengan cadangan untuk meletakkan Mahkamah Syariah dibidang kuasa kerajaan pusat, sukalah saya memaklumkan bahawa tindakan-tindakan telah dan sedang diambil untuk tujuan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, Jemaah Menteri telah pun bersetuju mewujudkan satu Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan menjadikan perkhidmatan Pegawai Syariah Malaysia sebagai perkhidmatan gunasama. Walau bagaimanapun, cadangan ini hanyalah boleh dilaksanakan setelah mendapat persetujuan dari kerajaan-kerajaan negeri. Jadi untuk pertanyaan Yang Berhormat, setakat ini ada lima buah negeri yang telah pun menyatakan persetujuan manakala keputusan daripada negeri lain sedang ditunggu. Kerajaan berharap perkara ini dapat diselesaikan agar pentadbiran Mahkamah Syariah dapat ditingkatkan.

Untuk pertanyaan Yang Berhormat mengenai negeri-negeri yang bersetuju, seperti biasa Kerajaan Negeri Selangor mendahului telahpun bersetuju supaya Mahkamah Syariah ini di 'centralise' kan, dengan izin, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Melaka dan Wilayah Persekutuan. Negeri-negeri yang belum mendapat persetujuan lagi ialah Kedah, Perak, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Perlis, Sabah dan Sarawak. Jadi dengan adanya centralisation, dengan izin, mahkamah ini, masalah kekurangan pegawai dapat diatasi, masalah kekurangan latihan juga dapat diatasi.

Walaupun isu yang dikatakan dibangkitkan semalam mengenai isu lagu 'Getaran Jiwa' yang dibangkitkan oleh Kuala Kerai, suka saya menyatakan bahawa perkara ini adalah merupakan perkara kalafiah sahaja jadi pendirian JAKIM yang membenarkan lagu ini disiarkan dibuat berdasarkan kepada kajian teliti yang telah dibuat diambil kira kedudukan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen tadi lompat sedang bercakap UIA kemudian terus pergi ke lagu Getaran Jiwa. Jadi Yang Berhormat terlompat pula tadi, cuba patah balik ke UIA, saya tidak dapat penjelasan tentang UIA tadi. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Shafie bin Mohd Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi dasar kerajaan jika kontraktor yang mempunyai banyak kerja-kerja dalam tangan dan juga minta kerja-kerja yang lain, jadi kita tidak akan beri projek yang lain kerana kita hendakkan mereka menyiapkan kerja-kerja yang ada dalam tangan. Ini bertujuan memastikan kerja-kerja dalam tangan itu diberi keutamaan untuk disempurnakan. Dan kontraktor atau perunding yang overloaded, dengan izin, tidak berlaku. Dengan perkataan lain menggam kontraktor tidak berbangkit sama sekali tetapi apa yang kita lakukan ialah kita tidak memberi kerja kepada mereka supaya kerja yang ada dalam tangan dihabiskan. Berhubung dengan pelaksanaan projek UIA, suka dijelaskan juga bahawa prestasi keseluruhan projek berkenaan ialah setakat ini sebanyak 63% daripada 66% yang sepatutnya siap. Jadi ini dalam keadaan yang tidak membimbangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun lagi.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kelmarin saya bangkitkan bukan bermakna saya mengatakan kalau syarikat atau konsultan ataupun jurutera, kontraktor yang telah ada kerja diberi kerja lagi, bukan maksud saya begitu. Maksud saya ialah, saya tidak mahu Datuk Dr. Aziz ini memainkan peranan memilih kasih. Contohnya, dahulu apabila saya bangkitkan kes perlantikan konsultan di UIA, mereka telah melantik Taslem, saya ada bukti disini yang Taslem, biasa menumbuk pemain hoki Sepanyol. Ini menjatuhkan maruah Malaysia. Jadi orang macam ini kalau Dato' Dr. Aziz hendak bantu, jadi ini akan merosakkan kita, menumbuk pemain Sepanyol kerana Malaysia kalah main hoki. Jadi inilah konsultan yang kita pilih untuk buat UIA Universiti Islam? Jadi, saya minta kalau boleh, saya tidak ada personal grudge dengan Dato' ini, dan dalam satu peristiwa biasa beliau menyuruh Tuan Haji Aziz Abdul Rahman, Setiausaha Bahagian Kontrak dan Bekalan di Kementerian Pendidikan keluar dalam mesyuarat kerana Tuan Haji sendiri mempertikaikan kontraktor berwibawa yang dipilih oleh pihak Kementerian Kewangan kerana kontrak berwibawa ini lambat buat kerja. Jadi sikap arrogant seperti ini sepatutnya tidak patut datang dari pegawai ini. Jadi saya harap pihak kementerian atau pihak Menteri sendiri mengkaji balik status beliau di situ kerana telah lapan tahun dia disitu dengar kata dia sudah ada gelaran disitu, sampai bunyi gelaran 'tool set' atau apa, saya tidak tahu, kalau tanya orang di kementerian, fahamlah. Jadi, itulah, kalau orang ada gelaran ini kalau duduk lama di situ saya ingat kita ubahlah ke tempat lain.

Keadilan perlu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendakkan keadilan, saya bukan pemborong, saya bukan konsultan, saya bukan arkitek atau jurutera, saya hanya wakil rakyat, tetapi saya hanya menyuarakan rintihan rakyat dan juga komplek daripada pegawai-pegawai sendiri tentang 'arrogant' nya pegawai-pegawai semacam ini. Inilah saya minta supaya jangan kita duduk di atas itu kerana Tuhan letak kita di situ jangan kita gunakan posisi kita itu untuk memilih kasih kerana rezeki, datang daripada Allah S.W.T. jadi jangan kita harap orang-orang kita ini pergi melutut untuk meminta satu projek terpaksa urut belakang sesuatu pegawai dan sebagai pegawai yang beragama Islam kita patut pandang jauh menolong seagama dan sebangsa mendatangkan manfaat dan mendapat pahala. Jadi ini yang saya bangkitkan, saya harap saya tidak akan disalah anggapkan, saya ikhlas memperjuangkan sesuatu, jadi kalau boleh perbetulkanlah keadaan ini supaya keseluruhan sistem kerajaan, polisi kerajaan

untuk membantu bumiputera akan mencapai matlamat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd Salleh: Terima kasih Yang Berhormat, Yang terhormat Datuk Yang di-Pertua, perkara itu akan diambil ingatan.

Menjawab soalan daripada Yang Berhormat Kota Melaka. Dalam perbahasan pada 9.4.97 iaitu semalam, Yang Berhormat Kota Melaka telah membangkitkan dan mencadangkan supaya perolehan yang bernilai tidak melebihi RM50,000 dibuat secara tender terbuka, tidak secara undi atau giliran sebagaimana yang diamalkan sekarang bagi mengelakkan berlakunya salah laku dan salah guna kuasa. Dimaklumkan bahawa bagi perolehan kerja yang bernilai tidak lebih RM50,000 ianya boleh dilaksanakan mengikut kaedah-kaedah seperti berikut:

- (i) jika kerja-kerja berkaitan tidak melibatkan perubahan struktur boleh diasaskan jadual kadar harga, diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia, kerja-kerja tersebut bolehlah dipanggil secara undi dan atau pusingan. Proses pembahagian kerja tersebut hendaklah dibuat secara adil.
- (ii) jika kerja-kerja tersebut tidak boleh diasaskan kepada jadual kadar harga atau 'schedule of rates', perolehan hendaklah diluluskan secara sebutharga, dan
- (iii) bagi perolehan kerja yang bernilai tidak melebihi RM20,000 tawaran kerja secara lantikan terus boleh dibuat dengan mengeluarkan pesanan kerja ataupun indeks.

Jadi inilah ketiga-ketiga perkara yang telahpun disiarkan oleh Kementerian Kewangan. Dari segi amalan lantikan terus kepada kontraktor jarang dilaksanakan tetapi lantikan secara undi atau pusingan sering diamalkan. Langkah ini bertujuan untuk mengurangkan tohmahan tidak adil berlaku dan salah guna kuasa berlaku.

Cadangan Yang Berhormat tidak berbangkit sama sekali kerana proses perolehan secara tender dan sebutharga adalah sama dari segi prinsipnya. Pemberian kerja secara undi atau pusingan atau lantikan juga dibuat secara telus kerana nilai kerja yang ditawarkan diasaskan kepada jadual kadar harga atau 'schedule of rates' yang diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia. Dan kalau Yang Berhormat hendak, saya boleh beri Arahan Perbendaharaan 179.1, 108.1, 180.2 dan 182.1 untuk rujukan seterusnya.

Yang Berhormat dari Bintulu telahpun memusatkan perbahasan semalam mengenai kebakaran yang berlaku di negara kita. Jadi jumlah kebakaran di negara kita tidak boleh dihapuskan, tetapi ianya dapat dikurangkan dari segi jumlah kebakaran dan jumlah kehilangan harta-benda dan nyawa. Pada masa-masa dahulu dan juga waktu sekarang, kebakaran adalah berbeza-beza memandangkan bertambahnya penggunaan bahan-bahan kimia yang merbahaya. Oleh itu tahap kesedaran orang ramai haruslah ditingkatkan. Dalam meningkatkan kesedaran, kebakaran di kalangan masyarakat, pihak Jabatan Bomba, dan penyelamat Malaysia telah mengadakan seperti Bomba Sukarela, Kadet Bomba Sekolah, Kelab Keselamatan Kebakaran Kanak-Kanak, (3K), Bomba Kilang, Ceramah Kesedaran dan lain-lain.

Mengikut statistik yang dilampirkan, yang ada pada saya hari ini, di negeri Sarawak jumlah kebakaran dari tahun 1994 hingga bulan Mei 1995 adalah berkurangan daripada 1,007 turun kepada 396 jumlah kebakaran setiap tahun. Oleh itu tujuan membanteras kebakaran adalah bukan sahaja terletak di bahu kerajaan, ia perlu juga dilakukan oleh semua pihak awam.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penggulangan saya ...

Tuan Yunus bin Rahmat: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Dato' Setiausaha Parlimen terlupa untuk menyentuh perkara yang saya sentuh semalam mengenai dengan kekosongan jawatan. Pengisian jawatan-jawatan yang perlu di jabatan-jabatan, di kementerian-kementerian, proses naik pangkat dan sebagainya.

Jadi, perkara ini saya mohonlah, saya hendak tahu kenapa agaknya Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga SPA ini begitu cerewet sangat. Kita tahu setiap tahun jabatan dan kementerian akan menghantar laporan mengenai pengisian dan juga kekosongan jawatan. Tetapi tahun demi tahun masih yang sama juga. Kadang-kadang JPA ini benarkan orang bertukar dengan syarat akan diganti, tetapi dua tahun pun tidak berganti. Jadi, apa masalah sebenarnya yang berlaku dalam JPA?

Kadang-kadang itu rakan-rakan yang sudah sepuluh tahun pun service patutnya proses naik pangkat ini dibuat 'every five years or seven years'. Tetapi sepuluh tahun pun tak buat - fasal apa? Apa masalahnya yang saya hendak tahu ini.

Kita ramai mengeluarkan graduan setiap tahun dan masih ramai lagi orang yang tidak bekerja pun. Jadi, mengapa perkara ini masih berlarutan sejak sepuluh, lima belas tahun yang lalu. Jadi, kita dapat laporan semalam, masih berlaku 19.2% kekosongan jawatan yang tidak diisi. Fasal apa?

Jadi, saya hendak tahu kenapa, apa yang berlaku sebenarnya? Dan apa sebabnya, adakah Treasury tidak lulus ataupun apa-apa sebabnya, justifikasi yang dihantar oleh kementerian-kementerian, jabatan-jabatan itu banyak. Kita tengoklah di Parlimen sendiri, Tuan Yang di-Pertua, berapa banyak jawatan yang masih kosong? Kalau tidak silap saya jawatan tukang sapu dahulu sebelas orang, sekarang tinggal tiga orang sahaja, hendak buat kerja satu Parlimen ini! Tak terfikirakah Jabatan Perkhidmatan Awam ini, betapa sengsaranya jabatan-jabatan?

Saya bimbang dengan kekurangan jawatan-jawatan yang diisi, dasar yang telah kita luluskan itu akan pincang pelaksanaannya. Kita boleh melihat di daerah-daerah, di negeri-negeri. Contohnya, pegawai belia sendiri. Kita memperuntukkan berjuta-juta ringgit setahun kita luluskan dalam Dewan yang mulia ini untuk melaksanakan pelbagai program. Yang menjadi mangsa anak-anak kita, ahli-ahli belia, persatuan belia yang makin lama makin malap dan makin pudar. Apa masalahnya? Kenapa lokek sangat untuk mengisi jawatan?

Saya hendak tahu rahsianya, kenapa? Sebab saya dahulu pun 16 tahun menanggung siksa sebagai pegawai kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja saya minta penjelasan. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Jelevu ini ada muslihat 'an axe to grind' kerana tidak naik pangkat agaknya dahulu - mungkin. [Ketawa]

Tuan Yunus bin Rahmat: Bukan tidak naik pangkat!

Datuk Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Minta maaf! Sekarang ini apa yang dilakukan oleh JPA ialah untuk mengecilkan jawatan. Jadi, dengan adanya seperti yang dikatakan oleh rakan-rakan kita daripada DAP bahawa semua kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan akan diberi komputer dalam teknologi IT, information aids ini bahawa tidak ada lagi orang di bawah melaporkan

kepada orang tengah, orang tengah melaporkan kepada orang setengah atas dan orang setengah atas melaporkan kepada orang atas. Jadi, bermakna orang yang di bawah boleh melaporkan terus kepada orang di atas dengan menggunakan komputer sahaja.

Jadi, dengan cara itu, apa yang dikatakan dari segi organisasi dikatakan 'flat organisation'.

Tuan Noh bin Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya juga perkara ini telah saya bangkitkan dalam ucapan saya yang lepas, tetapi saya bersetujulah dengan pendapat Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen. Tetapi kalau hendak kata menggunakan komputer ini, ada pegawai-pegawai yang saya rasa tidak perlu menggunakan komputer. Sebagai contohnya, dalam Parlimen ini, *Hansard* yang ditulis ini, saya tak tahulah, mereka ini tulis tangan sahaja. Saya difahamkan mereka hanya tinggal separuh sahaja penulis ini, jadi, sebab itulah kita lambat mendapat laporan Parlimen. Dahulu kalau saya tidak silap seramai 11 orang, sekarang ini tinggal lima orang sahaja.

Jadi, lima orang ini seperti orang Kedah kata 'hendak kampui' yang mana memang tidak 'terkampui' de! Ini ditulis tangan, jadi, dia berlari ke sana, dia berlari ke sini, ini dalam Parlimen yang kita hari-hari bercakap. Kita bercakap dalam Parlimen, pegawai-pegawai ramai mendengar. Kemudian, yang bekerja ini untuk kepentingan Parlimen, pun tidak ada response juga.

Tambah lagi macam pegawai sukan, pegawai belia, saya pun terlibat juga sebagai seorang pemimpin belia. Saya difahamkan telah diluluskan satu lagi pegawai belia di peringkat daerah, sudah berapa tahun? Tahun lepas kalau saya tidak silap telah dimaklumkan ada kelulusan ini, sampai la ini pun tidak diisi.

Jadi, di mana silapnya? Saya bukan pegawai kerajaan, jadi mungkin tidak ada kepentingan tetapi saya melihatkan [Ketawa] kepimpinan belia saya ada kepentingan. Ini kasihan pegawai belia hanya berseorangan di daerah hendak dijaga, kita memperuntukkan berjuta-juta ringgit. Tadi, cerita Rakan Muda punya syok kita dengar. Siapa yang hendak melaksanakan ini? Jadi, kita merayulah - kasihan! Begitu juga dengan pegawai-pegawai JKR juga. Saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Jelevu, bila kita berbincang dengan pegawai-pegawai JKR di Kuala Selangor sebagai

contohnya, mereka kekurangan engineer, kekurangan technician. Duit kita luluskan berjuta-juta dalam Belanjawan yang lepas. Kita pun cerita dengan orang kampung seronok dengan negara kita maju di mana Budget kita buat. Bila hendak melaksanakannya pegawai tidak ada!

Jadi, boleh terangkan atau tidak mengapa perkara ini boleh berlaku? Kalau hendak kecilkan pun janganlah kecil sangat!

Datuk Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Sekarang ini kerajaan telah pun membuat satu sistem supaya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) mengadakan 'open system', maknanya sekarang ini tidak macam dahulu, bila ada sesuatu jawatan kita akan siarkan di akhbar, lepas itu baru boleh memohon. Tetapi apa yang dilakukan sekarang, melalui 'open system' orang boleh bila-bila masa sahaja memohon jawatan, tidak payah menunggu iklan yang disiarkan hujung tahun dan sebagainya.

Yang keduanya, apa yang hendak saya katakan di sini, ialah oleh kerana kita sudah mencapai, dengan izin, "full employment", atau guna tenaga penuh orang ramai datang ke negara kita dan kita melihatkan bahawa profesional seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, dia akan melihat di mana ada 'greener pastures', di mana ada tempat yang boleh diberi gaji yang tinggi. Dan selepas itu dia akan pergi berhijrah ke sana. Dan dengan cara itu, saya rasakan tempat yang kosong sememangnya ada.

Dan keduanya, apabila dipanggil untuk ditemuduga, kadang-kadang pegawai ini tidak datang kerana mereka telah ditarik oleh pihak swasta lebih awal daripada yang dilakukan untuk tarikh interview SPA itu. Jadi, dengan keadaan 'kain singkat' inilah saya rasakan perkara ini timbul.

Walau bagaimanapun, kita mencadangkan supaya 'open system' ini berjalan berterusan dan kita menghendaki supaya Kementerian Sumber Manusia di peringkat-peringkat cawangan dan juga peringkat daerah akan membuka sistem ini supaya dapat diberi pekerjaan kepada orang yang memohon.

Tuan Yunus bin Rahmat: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Jelebu bangun lagi.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak menyuarakan sebab saya kecewa. Saya sebenarnya, saya ingat

sudah 16 tahun saya dalam perkhidmatan kerajaan, cukuplah, biar saya masuk politik pula untuk memperjuangkan bangsa, negara dan agama pula. Sudah 16 tahun berkhidmat itu saya rasa, Alhamdulillah!

Tuan Yang di-Pertua, jadi, persoalannya, bukan masalah saya, sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan tadi, macam mana Tanjong Karang katakan, masalah rakan-rakan di dalam perkhidmatan kerajaan. Kalau kita lihat sekarang ini apa yang ditawarkan oleh swasta begitu lumayan sekali sedangkan kita di dalam sektor awam masih kekurangan kakitangan, masih lagi ditakuk lama, orang kata.

Kalau dahulu sepuluh tahun dahulu, pegawai tingkatan biasa, sampai sekarang pun tingkatan biasa juga. Kerja siang malam, terpaksa ke sana ke mari, tinggal anak, tinggal isteri, tinggal keluarga. Ada rakan-rakan saya sejak tahun 1981 dahulu pun, sekarang ini ada lagi, timescale lagi.

Saya bukan katakan, ini sebenarnya 'reality'. Mengapa ini berlaku? Kalau dalam tawaran dalam perkhidmatan cukup cantik, setelah disahkan dalam jawatan, layak ditemuduga, akan ditemuduga, lima tahun pun tak ada, sepuluh tahun pun tak ada. Ini apa cerita? Apakah sistem yang ada sekarang untuk melemahkan semangat kakitangan kerajaan yang sudah pun semakin lemah dengan adanya Skim Saraan Baru ini? Sebagaimana yang saya katakan, walaupun hendak mencari yang baik di antara yang terbaik, yang terbaik di dalam orang yang baik, tetapi sistem ini perlu dikaji.

Saya nyatakan sistem ini perlu dikaji. Saya sendiri yang terlibat dahulu, Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen, bagaimana kita hendak memberikan penilaian kepada orang yang keduanya baik? Sedangkan dia hanya hendak satu sahaja. Apakah tidak kita menganiayai orang yang satu lagi? Ini persoalannya! Kalau kita hendak ambil dua, tidak boleh kerana kuota cuma satu sahaja. Ini yang saya katakan.

Saya minta penjelasan yang sebenar-benar, mengapa JPA terlalu kedekut untuk mengisi jawatan? Sedangkan sengsara rakan-rakan yang ada di dalam jabatan sekarang ini, terpaksa menanggung kerja orang, covering dan sebagainya. Ada kekosongan tiga jawatan yang diisi hanya satu, dua lagi kosong terpaksa yang seorang lagi membuat kerja yang tiga orang. Jadi, sengsara, walaupun sistem komputer yang ada sekarang ini dan untuk kita hendak mencapai ke tahap sebagaimana yang Dato' sebutkan tadi, saya ingat akan memakan masa

tiga, empat tahun lagi, dalam keadaan sekarang pun kita sudah jammed. Macam mana?

Sebab itulah berlakunya kelambatan permohonan tanah, permohonan lesen, surat orang tidak berjawab dan sebagainya. Jadi, siapa yang hendak kita salahkan? Orang kampung tak kata, salah kerajaan, dia kata salah pegawai. Sedangkan pegawai yang menjalankan kerja itu sepatutnya tiga orang hanya seorang sahaja yang diisi, yang kita hendak layan 10,000 permohonan umpamanya. Dan di JPJ sebagai bekas pegawai JPJ, saya tahu masalah yang berlaku di jalan-jalan raya. Satu hari kalau kita hendak trace, 1,000 kesalahan yang dilakukan oleh pemandu pun ada. Tetapi berapakah kemampuan yang terlarat dibuat oleh kakitangan, oleh pegawai penguatkuasa, berapa kekosongan jawatan sekarang ini? Itupun Alhamdulillah, JPJ boleh mengutip lebih daripada RM2.2 bilion setahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya hendak ingatkan Yang Berhormat bahawa perbincangan dasar ini dihadkan kepada sehari sahaja! Nanti Yang Berhormat ada peluang lagi hendak berucap dalam peringkat jawatankuasa.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya hendak penjelasan sebenar-benarnya, ikhlas daripada JPA ini, biar JPA jawab betul-betul, kenapa? Jangan kita hendak sorok-sorok, sedangkan yang menanggungnya jabatan dan kementerian. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat mengenai luahan perasaan setelah 16 tahun berkhidmat, saya pun telah berkhidmat selama 25 tahun dalam kerajaan. Dan kalau Yang Berhormat hendakkan perkara yang sebenar-benarnya, jadi, saya tidak boleh memberikan di sini dan saya harap akan memberikan jawapan secara bertulis ataupun kita akan minta Jabatan Perdana Menteri menjawab soalan ini apabila di peringkat jawatankuasa nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Sipitang bangun.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Penghabisan! Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji bahawa keperluan pegawai-pegawai rendah memang diperlukan untuk

melaksanakan beberapa projek dan program kerajaan yang banyak terbengkalai dan tidak lancar. Mungkin yang difikirkan oleh JPA seperti Ahli Yang Berhormat dari Jelevu katakan iaitu mungkin susah untuk membayar pencen untuk pegawai-pegawai ini, bila mereka ramai maka bayaran pencen pun banyak.

Tuan Yang di-Pertua, kenapakah kerajaan tidak merancang supaya jawatan-jawatan rendah ini dibayarkan bagi pegawai-pegawai kontrak, kerana sekarang ini pegawai-pegawai ini hanya bertugas sekejap-sekejap, dia buat jawatan sebagai transit. Jadi, kekosongan ini kita jadikan jawatan-jawatan kontrak. Bila mereka hendak pindah biarkan mereka pindah ke swastakah dan jawatan ini diisi secepat mungkin melalui pegawai-pegawai kontrak untuk melaksanakan kerja-kerja yang belum selesai di peringkat daerah. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, bahawa jawatan di dalam kementerian merupakan dua jenis jawatan. Satu jawatan kerajaan negeri dan juga jawatan Kerajaan Persekutuan. Ada juga jawatan-jawatan kerajaan negeri yang dibayar oleh negeri dan ada juga jawatan-jawatan Kerajaan Persekutuan yang di peringkat negeri dibayar oleh Kerajaan Persekutuan.

Mengenai pengisian jawatan sepertimana yang saya katakan tadi, kita kena melihat keseimbangan. Pertamanya, kemungkinan kalau ada jawatan itu disiarkan, tidak ada orang yang datang untuk ditemuduga. Walau bagaimanapun, perkara-perkara ini akan diambil ingatan dan saya akan memohon untuk menjawab perkara ini secara bertulis nanti. Insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ulasan-ulasan yang telah pun saya lakukan di atas perbincangan yang telah pun dibincangkan dan apa-apa sahaja yang tidak dapat saya jawab pada kali ini, pegawai-pegawai di Kementerian Kewangan ada bersama dan juga akan mengambil ingatan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sekarang saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia empat ratus sembilan puluh satu juta, enam ratus enam belas ribu, lapan ratus lapan puluh satu (RM491,616,881) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1996, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia empat ratus sembilan puluh satu juta, enam ratus enam belas ribu, lapan ratus lapan puluh satu (RM491,616,881) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 1997 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.3, B.5, B.7, B.11 dan B.13 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kepala Bekalan B.3, B.5, B.7, B.11 dan B.13 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas sekarang. Tanjong.

4.30 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Pengerusi, saya sebut B.11, Badan Pencegah Rasuah.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Sebelum Yang Berhormat lanjutkan ucapan, Yang Berhormat diingatkan bahawa ada had masanya iaitu 10 minit.....

Tuan Lim Kit Siang: 10 minit sahaja?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, dalam peringkat Jawatankuasa sepertimana yang pernah diputuskan tempoh hari.

Tuan Lim Kit Siang: Okay. Tadi saya dengar berita radio, berita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata bahawa ACA perlulah very high, Australian properties Tan Sri Muhammad Taib, Menteri Besar Selangor dan saya harap bahawa dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini Badan Pencegah Rasuah adalah menjalankan tugasnya untuk verify harta benda Menteri Besar Selangor, khasnya apa yang dilaporkan dalam *Brisbane Courier Mail* tiga perkara:-

- (i) mengenai tunai RM2.4 juta bahawa untuk kegunaan pembelian furniture kediaman sendiri;
- (ii) mengenai rumah yang didirikan RM2 juta di Sovereign Islands Gold Coast; dan
- (iii) mengenai ranch di Currajong ialah bernilai RM5 juta.

Semuanya dekat RM10 juta. Saya harap oleh kerana sampai sekarang kedudukan yang diberikan oleh kerajaan nampaknya ialah bahawa oleh kerana ada kes di Brisbane, siasatan BPR akan menunggu keputusan kes itu. Ini tidak patut diadakan dan saya harap Kabinet akan buat satu keputusan mengarah BPR jangan tunggu dan tidak payah tunggu kes Brisbane oleh kerana kes itu tidak bersangkut paut dengan harta benda (property) luar biasa beliau sendiri. Patut diadakan ialah beri arahan kepada BPR dua minggu untuk siapkan laporan mengenai sama ada harta benda Muhammad Taib itu benar atau tidak benar dan memberi satu laporan kepada Parlimen dan Dewan ini sebelum Dewan yang mulia ini ditangguhkan pada 8hb. Mei. Ini satu perkara yang mustahak. Dan Ketua Pengarah, Dato' Shafie Yahaya patut sedar bahawa prestasinya sebagai Ketua Pengarah BPR akan bergantung kepada cara beliau mengendalikan kes ini, sama ada beliau ada kewibawaan atau tidak ada. Kalau dia gagal dalam kes Muhammad Taib, dia gagal sebagai Ketua Pengarah ACA.

Semalam saya ada cadang beberapa cara bagaimana ACA boleh mempertingkatkan prestasinya untuk mengembalikan kepada kedudukan 60-an di mana Ketua Pengarah yang pertama, Tan Sri Harun Hashim ialah ada kuasa untuk mendakwa tanpa reference kepada Perdana Menteri atau kepada Peguam Negara. Sebenarnya saya ada diberitahu, sekarang Ketua Pengarah BPR ada kuasa untuk buat keputusan mengenai prosecution tanpa rujuk kepada Peguam Negara di bawah Anti Corruption Agency Act, 1982, seksyen 5(i) sangat nyata bahawa, "*The Director-General*

of the agency shall have all the powers of a Deputy Public Prosecutor under the Criminal Procedure Code" ialah buat keputusan untuk mengadakan prosecution tanpa dirujuk kepada Peguam Negara. Tetapi atas sebab yang saya tidak faham, Ketua Pengarah BPR sampai sekarang sudah serah, surrender kuasa ini dan tidak berani buat keputusan untuk prosecution khususnya ahli-ahli politik tertinggi, semua serah kepada Peguam Negara, kenapa? Kenapa begitu, kita mahu tahu?

Dewan yang mulia ini memberi kuasa kepada Ketua Pengarah BPR untuk boleh buat keputusan mengenai prosecution supaya agensi ini berkesan, supaya agensi ini boleh 'without fear or favour' membanteras rasuah. Tetapi Ketua Pengarah takut kuasa ini untuk buat keputusan mengenai sama ada mahu mendakwa Menteri Besar Selangor, menteri, Exco atas hasil siasatan BPR sendiri dan semua kes dirujuk kepada Peguam Negara - to pass the buck. Kita tidak mahu seorang Ketua Pengarah yang 'pass the buck'. Kita mahu seorang Ketua Pengarah ACA yang boleh dikatakan 'the buck ends here', 'corruption ends here'. [Tepuk] Bukan 'pass the buck'. Apa guna 'pass the buck'? Kita mahu satu penjelasan yang jelas, kenapa sampai sekarang Ketua Pengarah takut menjalankan, menggunakan kuasa untuk memulakan pendakwaan.

Kita harap bahawa bermula dari sekarang Ketua Pengarah akan benar-benar berani untuk menggunakan kuasa di bawah Akta ACA. Dan selain daripada diarahkan oleh Peguam Negara, selain daripada Peguam Negara campur tangan dalam hal membanteras rasuah, berani untuk buat keputusan mengenai pendakwaan (prosecution) semua kes rasuah.

Sebenarnya dalam usaha untuk meminda akta rasuah supaya kempen membanteras rasuah boleh berjaya, satu cadangan yang ada dibuat oleh Harun Hashim dalam kolumnya ialah, dengan izin, "*How we catch the big fish? Perhaps the best way is to make illicit enrich men and offence namely politician holding public office and government officers who are in possession or pecuniary resources of property disproportionate to their known sources of income for which they cannot satisfactorily account for, punishment with imprisonment not exceeding 20 years without the option of a fine and such property to be forfeited*".

Tetapi nampaknya kita sekarang mahu beri 'benefit of the doubt' kepada mereka yang korup. Tetapi Computer Crimes Bill, section 8, ada satu presumption di mana, "*A person who has in his custody or control any program, data or other*

information which is held in any computer or retrieved from any computer which he is not authorised to have in his custody or control shall be deemed to have obtained unauthorised access to such program, data or information unless the contrary is proved". Satu usaha untuk criminalise, mungkin 80%, 90% pengguna-pengguna komputer, pemberita-pemberita, ahli-ahli Parlimen, menteri-menteri yang ada guna komputer, mungkin dalamnya ada program atau data yang boleh dikatakan bukan legal copy.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, rang undang-undang yang berkenaan itu belum dibentangkan lagi, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Belum, saya tahu, tetapi ini contoh.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tetapi elok Yang Berhormat pergi kepada tajuk.

Tuan Lim Kit Siang: Ini contoh. Di sini kita mahu rela untuk 'criminalise majority computer user' oleh kerana mereka anggap 'guilty until proven' bahawa ada satu program yang sah, legal. Tetapi dalam kes korupsi, sikap kerajaan ialah untuk menganggap penjenayah-penjenayah oleh kerana melakukan korupsi, ada kekayaan luar biasa yang tidak setimpal dengan pendapatan mereka, bahawa innocent until proven guilty.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Kenapa kita rela 'criminalise ordinary people' tetapi kita anggap tokoh-tokoh politik yang ada kekayaan luar biasa, mereka innocent. Saya harap bahawa kita perlu bukan sahaja tukar akta-akta rasuah supaya ada presumption, mereka ada kekayaan luar biasa, korup, selain daripada boleh bukti mereka itu dapat daripada cara-cara yang sah dan kaji computer crimes, jangan hendak criminalise majority computer user di negara kita ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kota Melaka.

4.40 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B.3, Jabatan Audit. Peruntukan tambahan sebanyak RM4.2 juta dipohon. Di sini saya ingin meminta, sejauh manakah teguran-teguran oleh Jabatan Audit berkesan dan diakuri atau dipatuhi oleh jabatan-jabatan kerajaan? Saya membangkitkan perkara ini

kerana sama ada pihak kerajaan pusat sedar bahawa telah timbul satu keadaan di Dewan Undangan Negeri Melaka di mana laporan Ketua Audit Negara tidak dibenarkan dibincang, tidak dibenarkan dibahas dan dibawa dalam perbahasan Dewan Undangan Negeri Melaka. Saya amat terkejut bahawa perkara sedemikian boleh berlaku kerana apabila Adun DAP kawasan Durian Daun menggunakan laporan Ketua Audit Melaka yang terkini dalam perbahasan Dewan Undangan Negeri Melaka, beliau dihalang oleh Speaker. Kalau begitu, adakah ini bermakna bahawa laporan Ketua Audit Negara telah menjadi satu bahan cetak yang haram di mana untuk negeri Melaka.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dahulu.

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Saya rasa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu bersabit dengan bidang kuasa Dewan Undangan Negeri Melaka dan Maksud B.3 ini sepatutnya dihubungkan dengan pembiayaan bayaran pelarasan gaji. Jadi, apa hubung kaitnya, Yang Berhormat, dengan apa yang dibahaskan?

Tuan Lim Guan Eng: Saya setuju, Tuan Pengerusi, tetapi kerana tidak dibenarkan untuk dibahas, moral untuk kakitangan Jabatan Audit turun, kerana ini semua diperuntukkan dalam Perlembagaan.

Tuan Pengerusi, Perlembagaan menyatakan bahawa Ketua Audit Negara adalah satu badan bebas, satu perlantikan yang bebas.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, itu dikira bercakap dasar.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak, sedikit-sedikit sahaja. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Fahamlah itu, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Sedikit-sedikit sahaja, tetapi ini kerana secara spesifik yang berlaku. Saya harap bahawa pihak kerajaan boleh memandang serius perkara ini.

Sebagai contoh, apabila membawa teguran Jabatan Audit untuk Kerajaan Negeri Melaka di mana seorang bekas ADUN Negeri Melaka hutang RM350,000 kepada Kerajaan Negeri Melaka tidak bayar. Adakah kerana dia bekas Ketua Menteri Melaka dia tidak bayar? Dia dibenarkan tidak bayar hutang ini. Sungguhpun perkara ini cuba dibawa, tetapi tidak dibenarkan.

Oleh sebab itu, saya berharap bahawa pihak kerajaan boleh mengambil berat tentang perkara ini dan membenarkan Jawatankuasa PAC memainkan peranan mereka. Sungguhpun saya sebagai seorang Ahli Jawatankuasa PAC, saya amat kesal bahawa kadangkala kuasa dan teguran serta syor yang kita sampaikan tidak dipatuhi oleh jabatan-jabatan kerajaan. Saya ingin mencadangkan bahawa Jawatankuasa PAC diberikan kuasa penuh untuk menghukum mana-mana jabatan yang mengingkari syor-syor yang dikeluarkan oleh PAC. Kalau tidak, saya takut PAC bukan sahaja akan menjadi, dengan izin, toothless tiger but also a paper tiger.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada B.7, Jabatan Perdana Menteri di mana RM28 juta akan dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan, di antaranya, penyelia kelas Al-Quran dan Fardu Ain. Saya rasa ini adalah satu usaha baik untuk membendung masalah gejala sosial yang menimpa belia-belia kita. Tetapi pada masa yang sama saya harap bahawa kerajaan juga boleh memperuntukkan wang untuk masalah belia-belia yang datang daripada kaum bukan Islam, kerana saya rasa mereka perlukan bimbingan. Yang beragama bukan Islam pun perlukan bimbingan dari segi agama dan moral. Saya harap perkara ini akan ditimbang supaya peruntukan bolehlah dikeluarkan oleh pihak kerajaan kerana pada setakat ini tidak ada satu sen pun dikeluarkan oleh kerajaan pusat untuk bimbingan agama dan sosial bagi mereka yang beragama bukan Islam dan belia-belia bukan Islam pun menghadapi masalah sosial yang serupa dengan belia-belia yang beragama Islam. Oleh sebab itu, saya harap kita boleh memandang berat, dengan serius gejala sosial ini dari sudut kebangsaan, jangan hanya dari sudut agama atau kaum sahaja.

Akhirnya, Maksud B.11 - Badan Pencegah Rasuah. Semalam Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah mendedahkan bahawa 8 ahli Exco telah disiasat oleh BPR. Di sini saya hendak bertanya, siapakah Ahli-ahli Exco yang sedang disiasat oleh BPR? Sejauh yang saya tahu, Johor kita tahulah siapa. Di Pahang, kita pun tahu. Melaka, tentu saya tahu. Tetapi untuk negeri-negeri lain, saya rasa ramai yang berminat hendak tahu. Kedah, ramai yang berminat hendak tahu. Ahli-ahli Parlimen dari Sabah pun sama, ramai yang bertanyakan saya. Saya rasa untuk prinsip keterbukaan dan ketelusan, Yang Berhormat Timbalan Menteri harus menyatakan siapa yang dikenakan siasatan. Kalau tidak, nanti berlaku tidak adil kepada mereka yang tidak disiasat, kerana 'nila setitik rosak susu sebelanga.' Kita hendak elakkan

yang lain yang tidak disiasat nanti mereka kena cap sama-sama melakukan rasuah. Tetapi pokoknya, seperti yang disahut saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang bahawa Ketua Pengarah BPR harus diberikan kuasa untuk membuat pendakwaan.

Kita tidak mahu apa yang berlaku dalam kes Yang Berhormat Presiden MIC dalam skandal pemberian saham kepada MAIKA Holdings. Sebanyak 10 juta saham yang bernilai hampir RM200 juta diberi kepada MAIKA Holdings. Sungguhpun Ketua Pengarah BPR pada masa itu ingin membuat pendakwaan, tetapi kerana 'administrative arrangement', dengan izin, yang sedia ada, tidak membenarkan beliau berbuat demikian, tetapi sebaliknya terpaksa kena rujuk kepada Peguam Negara dahulu. Peguam Negara pada masa itu atas alasan politik tidak mahu mendakwa beliau, Ketua Pengarah BPR terpaksa tunduk, dan siasatan selama dua tahun hangus begitu sahaja.

Oleh sebab itu, saya rasa sudah sampai masanya bahawa Ketua Pengarah BPR benar-benar bebas, tidak diikat oleh unsur-unsur politik. Tidak ditahan, digam oleh Peguam Negara, bebas mendakwa. Kalau tidak, saya rasa mungkin bekas Ketua Menteri Melaka sudah didakwa di mahkamah, tidak seperti yang dilakukan oleh Peguam Negara menarik balik tuduhan rasuah ke atas beliau. Inilah di mana campur tangan politik oleh Peguam Negara berlaku. Saya rasa adalah sangat penting bahawa kita memerlukan pengisytiharan harta benda oleh ahli-ahli pentadbir kerajaan. Yang Berhormat Timbalan Menteri cuba membuat satu contoh memulakan satu amalan sihat dengan mengumumkan harta benda kepada saya. Tetapi ini hanya seorang tidak cukup untuk membuktikan beliau bersih, dan beliau tidak menggunakan jawatannya untuk....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, sila gulung.

Tuan Lim Guan Eng:untuk menyalahgunakan kuasanya. Saya rasa itu adalah satu tindakan yang amat perlu.

Akhirnya, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kedudukan siasatan atau tindakan yang diambil kepada empat orang majistret yang didakwa mengamalkan rasuah oleh BPR. Sehingga sekarang kita tahu seorang daripada mereka telah didapati bersalah dan dihukum penjara. Tetapi apakah terjadi kepada tiga majistret lain, kalau saya tidak silap Majistret Kaur, dan ada juga

beberapa orang majistret lain yang didakwa melakukan rasuah. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah kedudukan siasatan ini, kerana ini mempunyai kesan yang besar ke atas kewibawaan sistem badan kehakiman kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Seremban.

4.50 ptg.

Dato' Hon Choon Kim [Seremban]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin sentuh B.5 - Pengambilan dan Perkhidmatan. Pada hemat saya memang benar bahawa perkhidmatan awam merupakan satu sektor perkhidmatan yang amat penting, kerana beberapa rakan-rakan saya, Ahli Yang Berhormat telah sentuh tadi saya memang setuju, kerana kalau tanpa perkhidmatan awam yang kuat, maka banyak rancangan dan dasar-dasar kerajaan tidak dapat kita laksanakan. Namun begitu, saya rasa masih banyak di kalangan pegawai-pegawai kerajaan atau kakitangan kerajaan masih rasa tidak puas hati tentang kedudukan mereka, promotion mereka dan sebagainya.

Saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini satu kisah seorang Pembantu Am Rendah (Sementara). Kakitangan ini telah mula berkhidmat dalam kerajaan pada tahun 1965 sebagai Office Boy, walaupun dia seorang perempuan, dengan gajinya RM71.00 sahaja. That is 31 years ago, dengan izin. Sampai hari ini beliau masih pegang jawatan sementara. Dia bertugas di sebuah sekolah sebagai Pembantu Am Rendah (Sementara). Walaupun dia berkhidmat 31 tahun, beliau masih bekerja sebagai sementara sahaja. Beliau berkahwin pada tahun 1970 dan diminta untuk memutuskan perkhidmatannya untuk tempoh dua hari. Selepas itu, beliau dilantik balik dan diberikan jawatan sementara. Sejak itulah beberapa rayuan telah dibuat kepada JPM dan sebagainya, nampaknya tidak membawa apa-apa kesan.

Baru-baru ini beliau telah dipanggil untuk temuduga, dan telah diberikan jawatan tetap, tetapi gajinya akan dikira sebagai seorang kakitangan yang baru mula kerja. Jadi, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada adil atau tidak untuk seorang kakitangan yang telah bekerja selama 31 tahun seperti itu? Beliau datang berjumpa saya dan menangis. Tiga puluh satu tahun bekerja, hendak berhenti, sayang, sebab sudah berapa lama kerja. Hendak teruskan, gaji cuma ditawarkan lebih rendah dari apa yang dia dapat pada masa sekarang.

Jadi, dia tidak tahu apa hendak buat sama ada hendak terima ataupun tidak jawatan itu.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya minta kerajaan seterusnya JPA mesti memberikan perhatian yang serius tentang kes ini. Ini salah satu kes sahaja, mungkin banyak lagi tidak diketahui. Mungkin lebih teruk daripada kes yang saya sebut tadi. Saya berharap, saya ingin beritahu Dewan yang mulia ini, orang ini namanya Filomena Lim Ah Moy yang bekerja di Sekolah Tunku Ampuan Najihah, Seremban. Saya minta Dewan ambil perhatian, walaupun dia merupakan peribadi, tetapi ini menunjukkan kelemahan dalam sistem Perkhidmatan Awam. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kepong. Selepas Kepong berucap, Jabatan Perdana Menteri diminta jawab.

4.49 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, menurut Maksud B.3, B.5, B.11, B.13 dan seterusnya hampir kesemua yang menyebutkan permintaan perbekalan tambahan ini untuk bayaran pelarasan gaji dan pemberian imbuhan kakitangan. Sebab itulah saya akan membincangkan masalah bayaran gaji ini sahaja, tepat pada yang terkandung di dalam maksud-maksudnya.

Yang pertamanya, Tuan Pengerusi, pada tahun yang lepas satu Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7/1996 telah pun diedarkan. Pekeliling itu ditandatangani oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dato' Paduka Dr. Mazlan bin Ahmad. Seterusnya saya mendapat tahu bahawa dalam pekeling ini ada pindaan-pindaan yang dibuat ke atas Sistem Saraan Baru. Pada hari ini kita nampak ada pelarasan gaji dan pemberian imbuhan, mestilah pelarasan ini mengikut pekeling tersebut. Walau bagaimanapun, saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri setakat manakah pelarasan gaji ini dan edaran Pekeling Perkhidmatan Bil. 7/1996 ini dapat memperbaiki keadaan rungutan kakitangan perkhidmatan awam mengenai SSB. Adakah selepas penggubalan semula sistem ini, rungutan itu sudah dikurangkan dan tidak ada masalah lagi?

Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat memberitahu bagaimana sistem SSB ini dapat dijayakan sekarang selepas diadakan hampir empat tahun? Selama empat tahun ini saya dengar walaupun yang hadir di sini tidak mahu mengeluarkan suara, tetapi di luar saya dengar, setakat ini ramai tidak begitu puas hati, termasuklah dengan Sasaran Kerja Tahunan dan juga Sistem Penilaian, termasuk Pegawai Penilai Pertama (PPP)

dan sebagainya. Saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab sama ada kajian semula sudah pun dibuat selepas pekeling tersebut? Kalau dibuat, apakah prestasi dan hasilnya?

Tuan Pengerusi, mengenai bayaran gaji meningkat setiap tahun, kerana bilangan kakitangan awam saya nampak tidak kurang, iaitu 877,000. Pada tahun ini saya diberitahu bahawa ada tambah sedikit 0.6% bilangannya. Tetapi kalau kita kaji kenyataan dan dasar yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan, terutamanya di dalam ucapan Belanjawan, hampir setiap tahun lebih satu dekad ini matlamat atau sasaran pihak kerajaan ialah untuk mengurangkan saiz perkhidmatan awam, kerana bayaran gaji sudah meningkat. Tahun ini kalau tidak silap saya meningkat kepada 21%. Bukankah ini bermakna kalau kita kira mengenai bayaran emolumen sahaja, sekarang kita bayar setiap tahun RM16 bilion, dan kalau kita masukkan pencen dan ganjaran, ini sudah meningkat kepada RM3.5 bilion dan jumlah yang dibayar untuk emolumen, pencen dan ganjarannya hampir RM20 bilion. Ini memang satu peruntukan perbelanjaan mengurus yang terbesar di dalam Belanjawan Malaysia.

Saya nampak sama ada emolumen, pencen dan ganjaran ini akan terus meningkat dari setahun ke setahun. Apakah pihak Yang Berhormat dapat melaksanakan dasar untuk mengurangkan saiz awam ini? Kita mahu prestasi, kecekapan ditingkatkan, dan kita mahu pihak kakitangan awam menerima gaji, emolumen, ganjaran dan pencen yang baik dan kerja yang baik. Tetapi dengan usaha pihak kerajaan untuk menswastakan perkhidmatan awam, banyak projek, beratus-ratus projek diswastakan, salah satu tujuannya ialah untuk mengurangkan saiz perkhidmatan awam. Tetapi saya nampak tidak. Bukan sahaja tidak dapat dikurangkan, bahkan juga tambah 0.6%. Inilah salah satu faktor yang menyebabkan bayaran gaji sudah meningkat kepada lebih 21% tahun ini. Pada tahun depan akan meningkat lagi. Saya berharap pihak Yang Berhormat dapat menjawab bagaimana kita dapat menyesuaikan dasar pihak Kerajaan mengenai saiz perkhidmatan awam dan juga tadi saya ada sebutkan mengenai SSB dan penggubalan semula untuk memperbaiki SSB. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Timbalan Menteri diminta jawab.

5.00 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Pengerusi, pertamanya saya mengucapkan berbanyak terima kasih terutamanya

kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Kota Melaka, Seremban dan Kepong yang telah mengambil bahagian di peringkat Jawatankuasa bagi Maksud di bawah Jabatan Perdana Menteri ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk bukan sahaja menjawab perkara-perkara yang dibangkit dalam Jawatankuasa tetapi juga yang telah dibangkit di peringkat Dasar khususnya berkenaan dengan soal-soal yang ada kaitan dengan Badan Pencegah Rasuah.

Pertamanya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ada menyebut berkenaan dengan kenyataan Perdana Menteri yang menyatakan iaitu bahawa harus, dengan izin, di 'verify'kan kenyataan yang dibuat oleh *Brisbane Courier Mail* yang dilaporkan di Australia. Saya ingin memaklumkan di sini iaitu bahawa pada peringkat ini Badan Pencegah Rasuah telah pun menghantar wakilnya dan mereka berada di sana untuk menjalankan tugas ini.

Keduanya Yang Berhormat dari Tanjong ada membangkitkan berkenaan dengan.....

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu berapa orang pergi, bila pergi dan apa terms of reference mereka?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mereka sudah pergi dan yang pergi itu 4 orang dan term referencenya ialah untuk menjalankan penyiasatan berkenaan dengan apa yang dikatakan iaitu Yang Amat Berhormat Menteri Besar punya - berkenaan dengan RM2.4 juta daripada mana sumbernya - dan semua perkara yang berkaitan dengan perkara itulah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong juga minta supaya dicepatkan laporan ini. Saya ingat ini satu penyiasatan yang akan memakan masa dan kita jangan cuba mempercepatkan yang akibatnya nanti akan disiapkan satu laporan yang tidak lengkap. Jadi, kalau hendak dilaporkan dalam mesyuarat ini mungkin tidak sempat. Walau bagaimanapun, Parlimen bersidang bulan Julai, memang tidak boleh lari punya, Parlimen tidak mati, jadi saya ingat bulan Julai, bulan Ogos - tetap satu hari memang - apabila laporan ini siap sudah tentu kita semua akan dimaklumkan berkenaan perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Sebenarnya perkara ini sudah lebih 3 bulan sejak laporan pertama *Brisbane*

Courier Mail keluar. Adakah ACA sudah soal siasat Tan Sri Muhammad bin Taib dan kalau ada berapa kali, kalau tidak kenapa sampai sekarang belum ada?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:

Tuan Pengerusi, dalam jawapan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyatakan bahawa kita akan memastikan supaya tenaga di dalam BPR ini akan bertambah. Ini jelas menunjukkan bahawa sebenarnya pegawai kita dalam BPR ini, dia tertekan sebenarnya kerana, sebagai contohnya, mereka terpaksa mengendalikan kes - satu orang pegawai sampai 15 kes - jika dibandingkan dengan setengah-setengah negeri, macam di Hong Kong satu pegawai 5 kes sahaja. Jadi, sebab itu soal dalam tiga bulan untuk menyelesaikan semua masalah tidak mungkin kita boleh lakukan sebab ini disabitkan oleh kerana kekurangan tenaga dan penyiasatan harus dibuat dengan teliti. Sebab itu saya rasa tidak adil untuk kita menekan pegawai-pegawai kita kerana sebenarnya mereka memang under-hand, under-staff dan ini pengakuan yang kita buat, kita hendak tambahkan lagi staffnya supaya mereka dapat menjalankan tugas mereka dengan baik dan licin. Sebab itu Yang Berhormat dari Tanjong tidak bolehlah guna dalam masa 3 bulan kita sudah hendak tahu hasil siasatan. Ini tidak mungkin BPR boleh buat.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Saya tidak kata bahawa dalam 3 bulan kita mesti ada hasil siasatan BPR mengenai kes Tan Sri Muhammad bin Taib tetapi tadi yang saya tanya ialah sama ada dalam 3, 4 bulan ini BPR sudah ada jumpa Tan Sri Muhammad bin Taib untuk dapat satu kenyataan daripada beliau mengenai kedudukan harta benda sama ada mengarahkan Tan Sri Muhammad bin Taib di bawah 'Emergency Essential Regulation Order' untuk mengisytiharkan harta-benda beliau, harta-benda isterinya, harta-benda anak-anak beliau untuk perjalanan penyiasatan dan saya penuh simpati dengan BPR bahawa short handed, kekurangan tenaga dan kita akan memberi sokongan sepenuhnya kalau kerajaan rela membentangkan lagi satu supplementary estimate untuk tambah lagi peruntukan untuk ACA tetapi bukankah kes ini satu kes yang sangat mustahak dan perlu diberi keutamaan, priority, bila dibandingkan dengan kes-kes yang lain oleh kerana jawatan, orang yang memegang jawatan yang terlibat, bukan supaya tidak adil, semua ikut the law, kalau disiasat oleh ACA, disiasat dengan equally or less equally, tetapi oleh kerana kes ini melibatkan Menteri Besar

Selangor, Vice President UMNO yang akan menunjukkan sama ada kerajaan serius tidak serius dalam kes membanteras korupsi, bukankah ini perlu diberi keutamaan, priority over everything else?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:

Tuan Pengerusi, saya ingat ini common sense, kalau kita mengadakan satu penyiasatan terhadap Encik 'A', sudah tentulah Encik 'A' kena dipanggil. Takkan kalau penyiasatan dibuat kepada Encik 'A' kita tanya Encik 'B'. Saya ingat ini tidak perlu kita hendak jawab, common sense kita tahulah, kalau kita dikata iaitu bahawa penyiasatan telah dibuat terhadap Tan Sri Muhammad bin Taib, takkan kita hendak tanya kepada dinding, takkan kita hendak tanya kepada pintu. Itu tidak perlulah kita beri detail semua, semua orang sudah tahu kalau penyiasatan dibuat sudah tentu orang itu akan ditanya. Dan Yang Berhormat sendiri sebut bahawa everybody is equal before the law, semua orang equal before the law. Ini nampak tidak adil, jadi kalau Menteri Besar, Naib Presiden UMNO kena percepatkan, jadi orang biasa boleh sapu RM4-5 juta tidak apa, boleh dilambatkan. You are not being fair, dengan izin. Mahu tanya lagi?

Tuan Lim Kit Siang: I expect that dan sebab itu saya ...the argument tetapi soalan di sini bukan common sense. Dalam Dewan yang mulia ini kita bukan datang ke sini bukan untuk common sense, kita mahu dapat kenyataan yang tepat. Sungguhpun common sense mengikut Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah oleh kerana Tan Sri Muhammad bin Taib is subjek siasatan patutlah dia sudah di questioned tetapi soalan kita mahu tahu ialah sama ada beliau adalah sudah disoal siasat oleh BPR, bila? Berapa kali? Kalau apabila dalam MAIKA scandal President MIC dan masa itu Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, apabila disoal siasat oleh BPR, ada laporan surat khabar mengenai perkara itu, bila, berapa kali, kenapa dalam kes Tan Sri Muhammad bin Taib BPR begitu enggan memberi butir-butiran dan kerajaan begitu enggan. Kenapa? Bukankah ini tidak adil? Kalau adil before the law all should be the same?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:

Bila kita buat penyiasatan, mahukah kita suku penyiasatan kita lapor, suku penyiasatan kita lapor. Kita hendak siapkan laporan semua supaya ianya tidak berbangkit. Sekali kita beri laporan maknanya okay terima. Ini hendak beri 3 kali, minggu depan saya datang, tanya pula sudah 4 kali, 5 kali, apa benda ini? Kita hendak kepada keputusan akhir dan laporan penyiasatan itu. Jadi, sebab itu pada saya apabila kita kata kita menyiasat Menteri Besar

Selangor, makna semua orang tahulah common sense, takkan kalau kita menyiasat orang itu kita tidak panggil dia, tidak menyiasat dia, tidak tanya dia, that's common sense! Jadi, sebab itu saya rasa berkenaan dengan perkara ini cukup bagi saya menyatakan bahawa pihak BPR sedang menjalankan siasatan terhadap Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor. Cukuplah.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tanjong juga ada bangkit berkenaan dengan kuasa Ketua Pengarah dalam soal pendakwaan ini. Memang kita semua tahu bahawa dari segi undang-undang di bawah seksyen 5(1) Akta Badan Pencegah Rasuah 1982, Ketua Pengarah BPR mempunyai segala kuasa timbalan pendakwaraya di bawah Kanun Prosedur Jenayah. Ini bermakna, Ketua Pengarah BPR mempunyai kuasa-kuasa yang diturunkan dari pendakwaraya dan tertakluk kepada arahan pendakwaraya. Walau bagaimanapun, dari segi amalan, untuk memastikan wujudnya check and balance, kuasa pendakwaan adalah dilaksanakan oleh pihak Jabatan Peguam Negara sementara Ketua Pengarah BPR bertanggungjawab kepada penyiasatan iaitu satu penyiasatan dan untuk mendakwa kita serahkan kepada Peguam Negara.

Ini adalah kerana sepertimana kita semua sedia maklum iaitu bahawa dalam pendakwaan kita memerlukan satu skil di mana kita pergi ke mahkamah dan mereka yang dalam kes-kes besar pergi ke Mahkamah Tinggi hanya pegawai-pegawai tertentu sahaja yang boleh mendakwa dan mempunyai skil dan untuk memastikan supaya tidak bertindih kerja-kerja ini dan bagi memastikan supaya setiap kes itu dapat diuruskan dengan cara teliti, maka kita merasakan itu bahawa kita harus ada pembahagian kerja di antara pendakwaan dengan penyiasatan. Sebab itu kita merasakan bahawa dalam soal pendakwaan ini kita memerlukan kepada pihak Attorney General untuk memutuskan sama ada untuk mendakwa ataupun tidak kerana bagi kita BPR kita merasakan tugas mereka ialah untuk menyiasat dan menyediakan kes dan mendakwa itu hendaklah diputuskan oleh pihak pendakwaraya kerana pertamanya kita sebut tadilah tidak mahu bertindih dan ada pembahagian kerja dan kita hendak memastikan supaya urusan itu dijalankan dengan teliti dan juga sepertimana kita semua sedia maklum, kita memerlukan kepada 'legally qualified person' untuk pergi ke mahkamah untuk mendakwa kes-kes ini.

Tuan Lim Kit Siang: Mengikut pengakuan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa sungguhpun ada peruntukan seksyen 5(1) di bawah

Anti Corruption Agency Act di mana Ketua Pengarah ACA adalah ada kuasa Deputy Public Prosecutor di bawah Criminal Procedure Code tetapi amalannya ialah ini tidak diikuti, semua dirujuk kepada Peguam Negara mengelak pertindihan, mengelak penyalahgunaan kuasa supaya ada seorang yang pakar dalam undang-undang. Bukankah ini bererti bahawa Peguam Negara sudah meniadakan kemahuan, the will of Parliament apabila meluluskan rang undang-undang ini untuk memberi kuasa yang penuh kepada Ketua Pengarah ACA untuk buat keputusan mengenai pendakwaan mengenai rasuah ini dan ini sudah ditidakkan, ditolakkan oleh Peguam Negara dan kerajaan.

Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu, oleh kerana saya ada sebut semalam, saya ada sebut hari ini bahawa Ketua Pengarah I BPR Tan Sri Harun Hashim, apabila beliau menjadi Ketua Pengarah, beliau ada kuasa yang penuh untuk buat keputusan mengenai pendakwaan tanpa rujuk kepada Peguam Negara, tanpa rujuk kepada Perdana Menteri. Adakah masa itu ada berlaku penyalahgunaan kuasa oleh Tan Sri Harun Hashim, adakah berlaku penyalahgunaan kuasa di mana sungguhpun dalam tahun 1982 adalah Anti Government Corruption Agency Act memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk buat keputusan mengenai prosecution ini ditarik balik, pada amalannya ditarik balik di mana semua keputusan mengenai pendakwaan, mengenai rasuah perlu dibuat oleh Peguam Negara. Adakah bukti-bukti di mana Ketua Pengarah I ada penyalahgunaan kuasa apabila beliau ada kuasa untuk prosecution tanpa rujuk kepada Peguam Negara?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Antara alasan yang saya beri mengapa kita tidak mendakwa selain daripada keputusan yang dibuat oleh Peguam Negara itu tidak pernah saya sebut bahawa kerana ada penyalahgunaan oleh bekas Ketua Pengarah ataupun disebut nama Hakim Harun Hashim, jadi Yang Berhormat jangan belit-belit ya! Saya tidak memberikan itu sebagai alasan. Oleh kerana itu, saya tidak akan menjawab soalan Yang Berhormat berkenaan dengan apakah dia pernah melakukan apa-apa penyalahgunaan.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti dahulu! Nanti dahulu. Duduklah dahulu, saya belum habis. Any time, no problem.

Berkenaan dengan meniadakan kehendak Parlimen ini tidak benar, sebab akta yang disebut tadi itu bukan mandatori, maknanya dia boleh diturunkan kuasa. Kalau dia kata 'mandatori' pendakwaan mesti dibuat oleh ketua pengarah, itu mungkin kita meniadakan kehendak Parlimen. Jadi, saya ingat apa Yang Berhormat kata itu adalah tidak benar, kita tidak meniadakan kehendak Parlimen, kerana ianya tidak merupakan mandatori. Sepertimana yang saya sebutkan tadi, dalam soal pendakwaan ini, atas alasan-alasan yang telah saya sebutkan, kita merasakan bahawa tidak mahu bertindih kerja dan kita mahu supaya pihak BPR menjalankan tugasnya menyiasat dengan secara teliti. Apa-apa juga kompelin yang dibuat pada mereka, maka kita merasakan iaitu bahawa pembahagian peranan dan role ini adalah yang terbaik sekali untuk kita mengatasi masalah korupsi dalam negara kita.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, kita terima Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak pernah kata bahawa ada penyalahgunaan kuasa oleh Ketua Pengarah I BPR, dengan sebab itulah ada amalan di mana semua keputusan mengenai pendakwaan, mengenai kes rasuah tidak dibuat oleh Ketua Pengarah BPR, sungguhpun beliau ada kuasa di bawah Akta BPR, tetapi terserah kepada Peguam Negara. Tetapi bukannya ini implikasinya bahawa apa yang diamalkan pada mulanya oleh Ketua Pengarah I BPR tidak baik, tidak senang dalam pandangan baikpun kerajaan ataupun kamar Peguam Negara. Kalau apa yang berlaku tidak menyenangkan kerajaan atau pihak pemerintah, bukannya salah satu daripada unsur ialah mungkin ada berlaku penyalahgunaan kuasa. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah baca satu rencana yang ditulis oleh Tan Sri Harun Hashim, di sini, dengan izin:

"Above all that it is important that the public believes in a capacity of the ACA to perform its duty without fear of favour. When I was Director General of the ACA in the 1960s I authorised all prosecutions without reference to either the Prime Minister or the Attorney General. Tunku Abdul Rahman who was the Prime Minister at the time wanted it that way to assure the public that there was no political interference of the ACA."

Bukankah ini satu isu yang sangat mustahak untuk menjaga reputasi, kewibawaan ACA supaya rakyat yakin mengenai ACA dan bukannya benar bahawa dalam sejarah BPR selama 30 tahun bahawa rakyat lebih ada admiration ialah masa BPR di bawah Harun Hashim, kenapa? Oleh kerana di masa beliau ada kuasa untuk membuat pendakwaan. Dan

adakah kerajaan rela untuk mengkaji semula supaya antara langkah-langkah yang memulihkan keyakinan orang ramai terhadap ACA ialah untuk memulihkan kuasa ini kepada Ketua Pengarah BPR.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, Hakim Harun Hashim ini pun hampir berumur 70 tahun, kalau hendak kekalkan dia di situ, kasihanlah dia, walaupun dia bagus. Tetapi implikasi yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong itu tidak betul, sebab kita tidak kekalkan dia di situ bukan kerana dia menjalankan tugasnya yang boleh membimbangkan kita, kerana dia naik pangkat dan dia juga diperlukan di dalam cabang yang lain. Jadi, saya ingat implikasi itu ialah implikasi yang diwujudkan oleh DAP, dan berapa kerat orang sahaja yang memikirkan demikian. Oleh sebab itu, saya tidak boleh terima segala apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong, kerana bagi kita, kita merasakan bahawa pendakwaan itu mestilah diambil oleh Peguam Negara, kerana pada akhirnya nanti apabila apa-apa juga yang berbangkit di dalam mahkamah dalam soal pendakwaan, maka Attorney Generallah yang akan bertanggungjawab. Oleh kerana itu, mereka seharusnya mengambil keputusan sama ada untuk mendakwa ataupun tidak di dalam kes-kes korupsi ini.

Tuan Pengerusi, ada soalan berkenaan dengan cadangan supaya mendapatkan pegawai profesional dari agensi lain bagi ditempatkan di BPR menjalankan siasatan bagi tempoh tertentu. Dalam usaha menjadikan BPR lebih profesional khususnya dalam tugas-tugas siasatan, BPR dari masa ke semasa akan mempergiatkan lagi pengambilan pegawai-pegawai profesional dalam jurusan tertentu sebagai pegawai tetap atau secondment, misalnya daripada Akauntan Negara di samping membuat pengambilan baru bagi mereka yang berkelulusan profesional.

Yang Berhormat dari Tanjong membangkitkan perkara Menteri Besar Selangor khususnya dalam konteks indeks rasuah Transparency International ini. Kami merasakan bahawa kes Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhammad bin Muhd. Taib yang dikatakan menjejaskan indeks rasuah Transparency International, kita berpendapat bahawa ianya tidak memberi apa-apa kesan kerana kes yang dihadapi oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhammad di mahkamah Brisbane, Australia adalah berkaitan dengan kes membawa wang keluar negara melebihi dari yang dibenarkan oleh undang-undang Australia dan bukannya kerana dakwaan menerima rasuah. Maka oleh kerana itu kita merasakan bahawa dia

tidak ada kesan terhadap indeks rasuah Transparency International ini.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan kalau perkara isu ini langsung tidak ada sangkut-paut dengan rasuah dan kalau ada sangkut-paut dengan rasuah, tentulah ia akan menjadi satu item dalam kajian kedudukan Malaysia di indeks rasuah Transparency International tahun ini yang akan diumumkan beberapa bulan lagi. Kalau kerajaan tidak menganggap kes Tan Sri Muhammad bin Muhd. Taib sebagai ada apa-apa bersangkut-paut dengan rasuah, kenapa ACA campur tangan? Kenapa BPR dalam siasatan, mengikut Yang Berhormat Timbalan Menteri, BPR sudah memulakan siasatan rasuah atau kes rasuah Tan Sri Muhammad bin Muhd. Taib, bukankah ini menunjukkan bahawa ini adalah satu kes yang ada bersangkut-paut dengan korupsi dan ini berbeza daripada kes di mahkamah Brisbane, iaitu sama ada beliau ada mengisytiharkan RM2.4 juta tunai kepada pihak berkuasa sebelum meninggalkan lapangan terbang Brisbane? Tetapi sangkut-paut ini adalah aspek dimensi korupsi, ialah kalau seorang yang ada kekayaan luar biasa, inilah ada unsur dimensi rasuah. Oleh sebab, itu BPR ada campur tangan ada menyertai kes ini sama ada akhirnya BPR akan semacam semua kes dahulu yang mengatakan 'tidak ada kes' atau apa-apa, tetapi ini menunjukkan ada dimensi rasuah dan tentulah diambil kira dalam index transparency international. Kenapa kerajaan mahu menafikan perkara yang begitu nyata?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia bergurau ini. Dia kena separatelah kes yang berkaitan dengan tidak mengisytiharkan wang di Australia itu. Saya bercakap khusus atas perkara itu, maknanya dia tidak ada kaitan dengan indeks rasuah, kerana kes itu ialah kes semata-mata kegagalan beliau untuk mengisytiharkan wang yang lebih daripada A\$5,000. Bagi kes yang ada dimensi korupsi seperti Yang Berhormat sebut, perkara itu masih dalam siasatan. Oleh sebab itu saya kata, waktu ini memang dia tidak ada kesan kes yang gagal mengisytiharkan wang itu. Jadi, kita kena separate the two issues, bukan saya mengatakan iaitu kita tidak ada kes terhadap Tan Sri Muhammad bin Muhd. Taib, tetapi perkara itu masih dalam siasatan. Kalau dia masih dalam siasatan, kita tunggu laporan yang terakhirlah, buat masa ini tidak ada kesan. Saya harap Yang Berhormat dapat memisahkan dua perkara ini.

Yang Berhormat dari Tanjong, kalau bercakap - bercakaplah benda yang benar. Ini saya ibaratkan

Yang Berhormat ini macam soal indeks rasuah atau transparency international. Jadi, disebut dahulu nombor 23, sekarang nombor 26, kalau disebut begitu memang kita rasa jatuh tiga slot. Tetapi Yang Berhormat kena bercakap betullah, perhabiskan semua itu, jangan jadi macam, dengan izin, a broken clock. 'A broken clock' ini dia cuma 'tell the truth once in every 12 hours'. Saya hendak supaya Yang Berhormat bila bercakap, cakaplah benar, betul nombor 23 jatuh kepada 26.....

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti, saya tidak habis lagi. Tetapi 23 itu kita hendak kena tengok pula daripada berapa negara yang disiasat - 41 buah negara. Pada tahun 1995 kita nombor 23 daripada 41 dan catatan markah kita ialah 5.28 daripada 10 - 10 ini yang terbaiklah - Malaysia dapat 5.28. Jadi, kalau kita ambil daripada 41, kita ambil yang tengah, maknanya 20, jadi kita berada di nombor 23, kita berada di bottom half. Tetapi pada tahun 1996, walaupun nombor 26, tetapi dia daripada 54 negara yang dibuat kajian dan markah kita telah naik daripada 5.28 kepada 5.32. Kalau daripada 54 itu kita ambil yang tengah 27 dan kita nombor 26, maknanya kita the top half. Ini kita kena beritahulah, jangan kata 23 jatuh 26, malulah kita. Tetapi you tidak memberikan penjelasan yang sebenarnya.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada dua orang yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa apabila kali yang pertama saya sebut mengenai indeks rasuah Transparency International pada tahun lalu, saya sudah memberi semua ini, markah-markah tahun TI, indeks 1995 dan markah-markah 1996. Kedudukan antara 41 buah negara pada tahun 1995 dan sekarang tahun 1996 kedudukan 26 daripada 54 negara, semua saya sudah sebut, tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidur, tidak sedar. Apabila saya sebut masa itu markah tunjuk ada, sungguhpun ada sedikit pertambahan markah, improvement tetapi apabila dibanding dengan tahun-tahun yang lain, itupun kita tidak ada sebab rasa

bangga - tidak ada sebab merasa bangga mengenai kedudukan kita, mengenai international corruption perception index. Bukankah apa Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi bahawa 'broken clock' tidak memberi gambaran yang penuh - tidak adil, tetapi semaklah *Hansard* semua dalam tahun lalu, bukan sekarang, Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah lewat 9 bulan - 9 bulan lewat. Saya harap di lain kali 'check yours fact before you make allegation, okay? All that I have already said in the House, on record.'

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat,

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Nampaknya kita telah sangkut di satu kementerian ya. Kita hanya ada satu hari, hari Isnin, kalau boleh Yang Berhormat tolong pendekkan sedikit jawapan itu.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau begitu, saya ingat

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dan ada perkara itu yang berkaitan dengan Jawatankuasa yang lain.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, okay, okay. Tetapi saya kena jawab juga perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Beri Peluang! Jadi, memang betullah, benda ini sudah keluar pada tahun 1996. Jadi, nampaknya kalau dia sudah tahu benda ini, tadi saya nampak ada sedikit kelemahan dan kurang keupayaan untuk memikir dan menampakkan bahawa ada peningkatan dan bukan dengan cara dia berucap itu menunjukkan seolah-olah kita ini jatuh.

Jadi, saya ingat dia ada sedikit kelemahan, di mana saya tidak tahulah, hilang keupyaankah, hilang pemikiran - saya tak tahu. Tetapi, kalau tanya kepada semua orang dengan fakta yang kita semua tahu, dia pun tahu, memang ada peningkatan dan tidak adil dan tidak sepatutnya kita menggambarkan seolah-olah kita ini sudah teruk daripada segi soal korupsi dalam negara kita dan apabila dibuat perbandingan dengan negara-negara lain.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong, saya ingat cukuplah, masa kita suntuk.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak jawab persoalan anaknya lagi, tunggu dok tidur itu, ya. *[Ketawa]* Ya, saya juga perlu untuk menjawab soalan daripada Kota Melaka dan Yang Berhormat Tuan Pengerusi pun minta supaya kita percepatkan. Jadi, Yang Berhormat jangan bimbanglah, ada satu sesi lain lagi, tidak ada masalah, bila-bila masa ya. No problem!

Kota Melaka, ini pun saya ingat serupa juga. Dia suruh BPR buat kerja, tetapi dia buat laporan. Sepatutnya laporan ini kita kena beri senyap-senyap, supaya apabila orang tak tahu, BPR boleh buat kerja dia. Tetapi, apabila dia lapor dalam, 'saya sudah buat laporan' - lari habislah orang-orang yang mungkin terbabit dengan kes ini. *[Ketawa]* Buang dokumenkah, apakah, jadi, macam mana? Saya pun tak tahu sama ada Kota Melaka, dia bercakap ini sama ada dia betul-betul hendak menghapus rasuah ataupun dia lebih hendak 'glamour' dan memaklumkan kepada orang bahawa dialah yang bersungguh-sungguh untuk membasmi rasuah dalam negara kita ini.

Jadi, saya nasihatlah supaya kalau kita buat laporan, jangan heboh kepada orang, supaya kita beri peluang kepada BPR untuk membuat penyiasatan terhadap apa juga perkara yang dibangkit oleh kita dalam melapor perkara rasuah dalam negara kita pada hari ini.

Jadi, saya hendak menjawab soalan yang dibangkitkan oleh beliau berkenaan dengan Petronas iaitu aduan yang dibuat pada 31hb. Januari, 1997 berhubung dengan penyelewengan kerja-kerja 'dredging' oleh Wajar Mutiara Sendirian Berhad. Dikatakan terdapat penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa oleh pegawai kanan Petronas bagi kerja-kerja 'dredging' di Pantai Kundor, Melaka. Katanya, terdapat 'variation order' di mana kerja-kerja asal RM1 juta telah menjadi RM6 juta dan sumber maklumat datang dari Petronas sendiri. Maka adakah dakwaan ini benar atau tidak? Maka satu siasatan bebas mesti dibuat. Ini permintaan dari Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Badan Pencegah Rasuah telah menjalankan siasatan terhadap aduan bahawa wujudnya penyelewengan dalam bayaran RM5 juta oleh Petronas kepada Wajar Mutiara Sendirian Berhad untuk membuat kerja-kerja 'dredging' sebanyak RM1 juta di loji penapis minyak di Pantai Kundor, Melaka.

Siasatan yang dijalankan mendapati bahawa aduan penyelewengan tersebut adalah tidak benar. Wajar Mutiara Sendirian Berhad telah ditawarkan kerja 'dredging' bernilai RM1,032,056 iaitu pada kadar RM4.50 per metre padu, ditawarkan oleh Petronas pada 4hb. Jun, 1996. Wajar Mutiara Sendirian Berhad telah dipilih oleh Lembaga Tender Petronas daripada senarai enam penender yang layak.

Namun begitu, seperti yang dinyatakan dalam perjanjian, harga kontrak muktamad akan ditentukan berdasarkan pre-survey yang akan dijalankan sebelum kerja-kerja pengorekan. Hasil pre-survey yang dijalankan oleh Wajar Mutiara Sendirian Berhad dan pegawai-pegawai Petronas didapati terdapat tambahan pengorekan sebanyak 1,527,481 meter padu yang memerlukan kedalaman pengorekan 16 meter. Dengan itu, harga tender telah meningkat kepada RM6,748,750.50 dan telah dipersetujui oleh Lembaga Tender. Pengorekan telah dijalankan selama lapan hari oleh sebuah kapal korek secara berterusan.

Semasa urusan pembayaran dibuat, pihak Petronas telah menerima aduan mengenai perkara tersebut dan telah menjalankan siasatan. Dua syarikat perunding telah dilantik dan kedua-dua syarikat mengesahkan data Wajar Mutiara Sendirian Berhad.

Walau bagaimanapun, kedua-dua syarikat juga tidak menolak kemungkinan berlakunya kesilapan 'dead sounding' yang boleh mengakibatkan kesan kepada volume pengorekan. Pihak Petronas juga telah menjalankan siasatan dalaman dan telah menahan pembayaran sebanyak RM1,718,750 kepada Wajar Mutiara Sendirian Berhad. Walau bagaimanapun, Petronas tidak dapat membuktikan secara positif berhubung dengan pengiraan volume pengorekan yang dipertikaikan itu.

Jumlah bayaran akhirnya berjaya dikurangkan sebanyak RM200,000 kepada RM6,548,750 setelah perundingan dibuat dengan Wajar Mutiara Sendirian Berhad.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin menyatakan bahawa perkara ini telah dirujukkan lebih awal dan saya telah membuat laporan secara sulit dan tidak mengheboh-hebohkan kepada surat khabar seperti yang didakwa secara melulu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Dan saya kena membawa perkara ini kerana tidak ada sebarang keterangan yang diambil daripada saya

oleh BPR, sama dengan kes-kes yang saya laporkan sebelum ini kepada BPR, bila siasatan diselesaikan, siasatan habis. Tetapi, keterangan pengadu tak dihiraukan langsung. Saya tak tahu macam mana siasatan serupa ini boleh dilakukan.

Oleh kerana saya tidak ada pilihan, kecuali dalam forum tertinggi negara kita membawa kes ini. Saya rasa tidak ada salahnya lebih-lebih lagi sebelum saya membawa kes ini ke Parlimen, saya tidak pernah menyiarkannya dalam Parlimen dan saya tahu pentingnya bahawa BPR dapat menjalankan siasatan dengan segera. Oleh sebab itu, saya tidak memberitahu surat khabar. Dan saya harap Yang Berhormat bolehlah, kalau hendak jawab, jawablah dengan lebih bertanggungjawab. Janganlah membuat 'political attack' semacam ini.

Dan tentang apa yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat, saya rasa adakah satu kelaziman, adakah praktikal sebuah kontrak yang bernilai RM1 juta boleh naik sampai RM6.7 juta, mana ada logik? Where is your common sense, dengan izin.

Tuan Pengerusi, kalau kita hendak cakap 'variation order', biasanya 'variation order' setakat 10% atau 15%, mana ada sampai 600%? Saya rasa ini mungkin satu rekod dunia. Rekod dunia di mana 'variation order' akhirnya lebih tinggi daripada nilai aset, nilai kos kontrak yang ditawarkan, ini yang pertama, yang saya mahu Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab.

Adakah ini satu kelaziman? RM1.2 juta saya under estimatelah, minta maaf, Tuan Pengerusi. Semalam saya cakap RM1 juta sampai RM6 juta. Tadi Yang Berhormat menyatakan RM1.2 juta sampai RM6.7 juta.

Kedua, kerja selama lapan hari sahaja boleh dapat RM6.7 juta. Huh! Hebat betul! Mungkin Yang Berhormat boleh memberikan nasihat kepada rakan-rakan lain, apakah bidang ini yang boleh diceburi dengan lapan hari kerja boleh dapat RM6.7 juta. Adakah ini satu perkara biasa, satu perkara lumrah, satu perkara yang lazim berlaku? Saya rasa ini memang luar biasa.

Dan yang ketiga, adakah benar bahawa jurutera yang cuba menghalang projek ini telah dikenakan tindakan, kerana beliau merasa ada sesuatu yang tidak kena. Potongan RM200,000 saya rasa tidak bermakna bila kontrak asal naik RM5.5 juta seperti yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, ini sebagai satu permulaan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya melihat dia jawab tadi, seolah-

olah dalam Parlimen ini kes ini satu sahaja yang dia kata yang dia buat laporan kerana tidak dapat jawapan daripada BPR, sebab itu dia bangkitkan.

Saya selama dua tahun sebagai Ahli Parlimen tetapi dia lebihlah, tetapi dua tahun ini saya tidak pernah tinggal, saya lihat lebih daripada sepuluh kali dia dok sebut, bukan kes ini sahaja. Kes-kes yang lain, yang dia katakan dia lapor pun dia sebutkan di sini. Sebab itu, saya katakan kalau kita buat laporan di dalam apa-apa jua kes, jangan dok heboh kepada orang. Yang kes ini mungkin betul, saya bukan cakap kes ini. Saya kata kalau hendak lapor jangan heboh kepada orang. Sebagai contoh, ini gambar - dia tidak boleh nafilah. Semalam kita lihat dalam surat khabar, gambar dia berdiri di hadapan Pejabat BPR, ini hendak serah laporan berkenaan aduan terhadap sesuatu kes. Dia di situ, bukankah itu dia memberitahu kepada orang, dia hendak melaporkan perkara itu - larilah orang! [Ketawa]

Saya cakap ini bukan khusus kepada perkara ini sahaja. Banyak perkara lain lagi. Ahli Yang Berhormat sendiri kena keluar dalam surat khabar. Berdiri di hadapan televisyen pun ada, berdiri di hadapan Pejabat BPR melaporkan sesuatu.

Jadi, jangan berbuat demikian, kalau hendak laporkan sesuatu laporkan sahaja, jangan dok beritahu kepada orang, sebab kita hendak bantu BPR supaya dapat kita mengatasi masalah ini. Jadi, ini sebagai jawapan yang pertama tadilah.

Yang kedua, kalau BPR, kalau Yang Berhormat membuat aduan, dia tidak akan siasat Yang Berhormat. Apa fasal pula Yang Berhormat kena siasat pula? Yang Berhormat kata: "Saya tidak dipanggil." Apa fasal pula dia hendak panggil Yang Berhormat pula? Dia buat penyiasatan, kalau berkenaan dengan Petronas, dia panggil Petronaslah. Dia panggil Yang Berhormat buat apa? Yang Berhormat bertanggungjawab, okay, lapor! Sudah lapor, habislah kes. Mengapa pula hendak kena panggil Yang Berhormat pula. Yang Berhormatlah yang membuat perkara rasuah ini? [Ketawa]

Jadi, sebab itu, tidak berbangkit soal BPR kena panggil Ahli Yang Berhormat untuk ditanya macam-macam - tak perlu! Saya ingat pegawai-pegawai BPR pun hendak memendekkan kerjalah.

Jadi, kalau kata hendak panggil Yang Berhormat, fasal tidak ada kena-mengena, hendak panggil buat apa? We don't waste time doing that! Sebab itu mereka tidak panggil dan mereka terus menyiasat

dan dalam soal ini jawapannya telah pun saya beri sebentar tadi.

Tuan Pengerusi, yang ketiganya, itu bukan 'variation order'. Jadi, saya dukacita sedikitlah, saya baca panjang ini. Jadi, saya lihat Ahli Yang Berhormat dengan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ini serupa sahaja. Fakta saya beri tetapi ada sedikit kelemahan ataupun kurang keupayaan untuk memahami apa yang kita sebut.

Jadi, macam perkara ini, kita sudah sebutkan, yang mengatakan 'variation order' ini bukan kita, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Sebenarnya, dia bukan 'variation order'. Kontrak ini macam-macam kontrak, dia ada 'technicality'nya, dia ada harga mengikut meter padunya. Jadi, sebab itu kalau kita tidak tahu tentang perkara ini, kita serah kepada pakar untuk mereka menyelesaikan masalah ini. Memang betul kalau bercakap 'variation order' - 'RM1 juta sampai RM6 juta', memanglah perkara ini sensasi, tetapi sebenarnya ia bukan 'variation order'. Ia bukan 'variation order', that is the difference.

Jadi, sebab itu saya ingat Yang Berhormat, saya telah menjawab perkara ini, jangan emotional, sebab kalau emotional nanti lagi nampak kurang keupayaan kita untuk memahami perkara inilah.

Jadi, ...

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka bangun, hendak beri jalan atau tidak Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi kata sudah lambat.

Tuan Lim Guan Eng: Hei, jangan cuba larilah.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okay, okay!

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Saya memang tertarik dengan kesediaan Yang Berhormat untuk memberikan jawapan tentang perkara penting seperti ini. Kalau kita bercakap itu bukan 'variation order', tetapi tidak boleh dinafikan bahawa harga kontrak asal ialah RM1.2 juta sepertimana yang dijawabkan tadi oleh Yang Berhormat.

Tetapi, macam mana dia boleh naik kepada RM6.7 juta? Itu yang menjadi tanda tanya. Kalau kita tanya orang biasa, mereka pun akan menggelengkan kepala. Ini tentu ada sesuatu yang tidak kena dan dalam masa lapan hari - okay, mungkin ini boleh dilakukan, tetapi saya harap penjelasan boleh diberikan. Macam mana ini boleh

berlaku?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Bangun]

Tuan Lim Guan Eng: Nanti, nanti! Dan itu untuk rekod, saya mesti sebutkan adalah satu kebiasaan kerana ini bukan kali pertama saya buat laporan BPR. Apabila siasatan dibuat oleh BPR ke atas bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim bin Tamby Chik, setiap kali saya membuat laporan kepada BPR, setiap kali keterangan saya diambil oleh BPR. Kerana mereka kata, mereka hendak benar-benar mahu menyiasat. Tetapi kebelakangan ini dalam dua, tiga kes mereka tidak mengambil langsung keterangan dari saya sebagai pengadu.

Memang menjadi satu prosedur siasatan bahawa keterangan pengadu mestilah diambil. Kalau Yang Berhormat sebagai seorang peguam hendak menafikannya, saya tidak tahulah, ini mungkin alasan politik. Tetapi dari segi alasan prosedur siasatan, itu memang tidak normal. Saya harap bahawa perkara ini Yang Berhormat boleh address the issue, dengan izin. Address the issue macam mana perbezaan yang begitu tinggi boleh berlaku.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, dengan izin, I think my officers are intelligent enough not to get information from you, sebab kalau Yang Berhormat bangkit berkenaan dengan Petronas, tanya Petronaslah. Jadi, katalah kalau Yang Berhormat buat keterangan, Yang Berhormat kata pergi jumpa Yang Berhormat, okay. Petronas punya order macam mana. Yang Berhormat kata 'saya tak tahu, tanya Petronas.' Jadi, baik terus pergi Petronas. Jadi, apa hendak buat kerja dua kali. Ambil keterangan daripada Yang Berhormat sekali, kemudian bila tanya tentang apa-apa hal, tender berapa semua, hendak kena check dengan Petronas. Lebih baik dia terus check dengan Petronas. Apa hendak buat kerja dua kali.

Sebab itu saya rasa staff kita cukup mahir dan bijak, tidak mahu membuang masa dan tidak perlu untuk mengambil keterangan, kalau dia boleh mendapat keterangan daripada pihak yang berkenaan, iaitu daripada Petronas. Jadi, saya ingat tidak berbangkit dan tidak ada yang memberi keterangan, yang melapor itu mesti memberi keterangan, tidak ada.

Tuan Noh bin Omar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong Karang minta jalan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti sekejap. Yang keduanya, variation order, maknanya kita beri sesuatu kontrak, kemudian tiba-tiba harga barang naik. Katalah harga bata naik, harga simen naik. Yang ini kita must take into account, kita mesti allow variation order, sebab itu kita beri variation order. Saya sudah kata di sini bahawa di sini bukan variation order, dia yang cakap variation order. Di sini kita kata, harga kontrak muktamad, akan ditentukan berdasarkan pre-survey yang akan dijalankan sebelum kerja-kerja pengorekan. The pre-survey work must be done, ini bukan variation order.

Jadi, variation order, kenaikan harga barang, simen, itu variation order, which we must allow for. This is a pre-survey.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi macam mana perjanjian awal boleh jauh berbeza dengan penilaian muktamad?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, sebab ini soal mengorek. Saya sebut tadi, hasil pre-survey yang dijalankan oleh Wajar Mutiara Sdn. Bhd. dan pegawai-pegawai Petronas, didapati terdapat tambahan pengorekan sebanyak 1,527,481 meter padu yang memerlukan kedalaman pengorekan 19 meter - besar tu. Itulah sebabnya harga itu naik.

Tuan Lim Guan Eng: Satu discovery.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab itu apabila kita kata harga muktamad kontrak itu berdasarkan kepada pre-survey, maka kita buat pre-surveylah sebelum dijalankan kerja-kerja pengorekan. Jadi, kalau tidak, Yang Berhormat beri kontrak kepada orang dengan harga yang murah, dalam itu Yang Berhormat tidak tahu berapa hendak korek. Kalau dia rugi, dia tidak buat, macam mana? Ini kita kena buat pre-survey. Ia bukan variation order seperti Yang Berhormat sebut itu. Bukan soal kerana tiba-tiba harga kapal korek tinggi, jadi kena naik, bukan macam itu. Ini soal dia buat pre-survey dalam laut itu. Jadi, itulah Yang Berhormat.....

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Cukuplah!

Tuan Lim Guan Eng: Penilaian awal RM1.2 juta.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ni apa Yang Berhormat! Dia tak faham....

Tuan Lim Guan Eng: Penilaian awal harga kontrak, RM1.2 juta naik RM6.7 juta. Saya tidak dapat terima macam ini.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Maknanya kurang keupayaan, kelemahan di satu-satu tempat, saya tidak tahu di mana yang tidak dapat memahami perkara yang begitu mudah. Kalau dia dok kata dia hendak anggap dia seorang sahaja yang bijak....

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat hendak tutup. Itu yang jadi masalah.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:yang lain macam mana. Engineer yang buat ini, dia bodohkah? Ahli-ahli penender, dia bodohkah? Berapa orang kita jemput pula dua lagi syarikat firma konsultan untuk melihat tentang kesahihan apa yang berlaku. Dua konsultan; Southern Hydrographic Consultant Sdn. Bhd. dan Syarikat Geomatra Survey membuat penyiasatan dan betul. Takkan dia seorang sahaja betul. Dia akauntan, ini soal engineering, mana dia tahu.

Tuan Yunus bin Rahmat: Dia tidak tahu, dia bingung.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jangan hendak jadi engineer.

Tuan Lim Guan Eng: Itu sebab kena jelaskan kepada orang awam. Yang Berhormat hendak tutup.

Beberapa Ahli: 'Tiam-tiamlah.'

Tuan Noh bin Omar: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ikut perbincangan ini mengenai BPR, saya hendak minta penjelasan sedikit, sebab saya pun mungkin tidak berapa faham mengenai penyiasatan BPR ini. Yang pertama, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah BPR ada peraturannya ataupun ada priority yang ditentukan oleh BPR bahawa setiap laporan yang dilaporkan oleh ahli-ahli politik khasnya Pembangkang ataupun sesiapa yang hendak buat laporan masuk surat khabar, kes itu yang mesti diberi keutamaan, itu yang disiasat dahulu? Itu saya hendak tahu. Jadi, kalau betul bila political ini buat laporan dan diberi keutamaan, saya ingat ramai kita hendak buat laporan juga.

Yang kedua, mengenai siasatan ini, adakah mengikut undang-undang bila seseorang itu mula disiasat, bolehkah dia ini dianggap bersalah? Jadi, sepertimana Yang Berhormat dari Tanjong kata tadi apabila sudah siasat saolah-olah terus dianggap

bersalah. Jadi, dari segi peraturan BPR bolehkah diterangkan prosedur ini?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau DAP memerintah, kedua-dua jawapan itu ya. *[Ketawa]* Tetapi kita Barisan Nasional, kita tidak aniaya orang. Nobody is guilty until proven so. Semua orang innocent. Ini Barisan Nasional yang adil. Dia punya style macam itulah. Dia punya style, asal laporan sahaja, salah. Ini dia punya perangai. Sebab itu rakyat tidak suka kepada dia. *[Tepuk]* Jadi, tidak usah layanlah, saya hendak bercakap benda lain banyak lagi.

Tuan Pengerusi, saya pergi kepada perkara yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian. Oleh kerana kesuntukan masa, tetapi lain kali kalau hendak cuba boleh lagi, tidak ada masalah, Tuan Pengerusi suruh saya cecutkan.

Tuan Lim Guan Eng: Tak mahu jawablah.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kubang Kerian mengatakan kemungkinan wujudnya rasuah dalam Kementerian Penerangan, iaitu berkenaan dengan kes di mana permohonan bagi pengiklanan rokok ditolak. Pihak BPR pada masa ini tidak menerima sebarang aduan berkaitan pemberian rasuah kepada Menteri Penerangan sebagaimana yang didakwa oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat dari Kubang Kerian diminta memberikan butir-butir lebih lanjut kepada BPR untuk agensi ini mengambil tindakan siasatan.

Yang Berhormat dari Kubang Kerian juga yang tidak hadir pada hari ini mungkin tidak minat sebenarnya untuk mendengar jawapan, tetapi lebih untuk melepaskan geram di dalam ucapannya. Dia mengatakan bahawa wujud rasuah di kalangan anggota polis mengawal lock up. Kononnya terdapat seorang tahanan lock up baru-baru ini dikatakan telah diambil kesemua barang peribadinya kecuali kad GIRO beliau. Anggota polis itu di situ telah mencadangkan supaya dapat dikeluarkan wang melalui kad GIRO tahanan tersebut bagi pembelian makanan luar. Dakwaan yang dibuat yang dikatakan adanya anggota polis menggunakan kad GIRO yang dimiliki oleh seorang tahanan lock up untuk mengeluarkan wang bagi pembelian makanan di luar adalah terlalu umum. Kita minta Yang Berhormat dari Kubang Kerian dapat memberikan butir-butir lanjut untuk siasatan BPR.

Saya hendak beri jaminan di sini bahawa pihak kerajaan, kalau ada berlaku perkara-perkara yang

tidak betul yang dilakukan oleh pihak polis sepertimana yang telah kita semua maklum, bahawa tindakan akan diambil terhadap mereka sepertimana berlaku kepada beberapa anggota polis baru-baru ini. Tidak ada soal kita hendak melindungi mereka.

Tuan Pengerusi, oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya ingin menyatakan di sini bahawa saya mengambil perhatian berkenaan dengan perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat dari Seremban dan Kepong. Oleh kerana pegawai saya pun ada di sini, saya minta kalau boleh diberikan jawapan secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM4,260,100 untuk Maksud B.3; RM500,000 untuk Maksud B.5; RM28,167,880 untuk Maksud B.7; RM720,000 untuk Maksud B.11 dan RM312,768 untuk Maksud B.13 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka untuk diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM4,260,100 untuk Maksud B.3; RM500,000 untuk Maksud B.5; RM28,167,880 untuk Maksud B.7; RM720,000 untuk Maksud B.11 dan RM312,768 untuk Maksud B.13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.15 dan B.16 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

5.50 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, saya turut mengambil bahagian dalam kementerian ini. Merujuk kepada Maksud Bekalan B.15 - Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Tuan Pengerusi, saya rasa kita memang bersetuju dengan usaha pihak kementerian untuk memastikan keadaan alam yang hijau dalam taman-taman perumahan dan bandar-bandar raya kita. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa pihak kerajaan akan bercadang untuk menanam pokok di seluruh negara, dan ada cadangan untuk menanam, saya rasa 15 juta pokok pada menjelang abad ke-21. Dan tindakan keras akan diambil ke atas mana-mana pihak yang menebang pokok tanpa kebenaran daripada pihak badan berkuasa tempatan.

Di sini saya ingin bertanya sama ada pihak kementerian sedar bahawa di antara pihak-pihak yang menebang pokok tanpa sebab yang munasabah diberikan kepada orang awam ialah badan-badan berkuasa tempatan sendiri. Saya ingin membangkitkan satu kes yang berlaku di Melaka, iaitu di Jalan Merdeka di depan pusat membeli-belah, Mahkota Parade, di mana ada lebih daripada 10 batang pokok yang berusia hampir 20 tahun yang dipotong semasa kerja pembaikan semula ke atas jalan batu-bata berwarna monia dijalankan, dan tidak ada sebab diberikan oleh pihak kementerian atau pihak kerajaan tempatan mengapa pokok-pokok itu ditebang. Sehingga sekarang rakyat tidak tahu macam mana badan berkuasa yang menyatakan akan mengambil tindakan ke atas mana-mana pihak yang potong pokok secara haram, tetapi sendiri memotongnya tanpa memberikan sebab yang munasabah.

Oleh sebab itu, saya rasa nampaknya ada double standard di sini. Saya ingin mendapat penjelasan sama ada pihak kementerian tahu tentang masalah ini dan juga apakah tindakan yang diambil ke atas badan-badan berkuasa tempatan yang sendiri melakukan kesalahan memotong atau menebang pokok tanpa sebab. Di bawah undang-undang yang sedia ada, mana-mana pemaju perumahan atau pihak yang memotong pokok tanpa kelulusan akan didenda sampai RM50,000. Adakah denda hukuman yang sama akan dikenakan kalau badan berkuasa tempatanlah yang melakukan kesalahan sedemikian?

Tuan Pengerusi, saya juga ingin bertanya pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa, oleh kerana mereka tidak ada satu pejabat kekal di kebanyakan negeri-negeri, adakah pihak kementerian bercadang untuk menambah kakitangan, kerana saya rasa Perancang Bandar ini merupakan satu kerjaya atau satu bidang yang memerlukan kepakaran yang amat tinggi. Sudah sampai masanya bahawa pihak kementerian mendirikan satu Jabatan Perancang Bandar di semua negeri di Semenanjung Malaysia. Sebagai contohnya, di negeri Melaka sungguhpun ada satu jabatan sedemikian, tetapi pihak Pengurus ataupun pihak Pengarah yang bertanggungjawab ke atas jabatan tersebut adalah seperti kakitangan atau pekerja separuh masa, kerana beliau hanya datang kalau seminggu dua-tiga kali sehari. Saya rasa apabila ada urusan hendak dirujuk kepada dia, beliau tidak ada untuk menanganinya. Saya rasa adalah perlu bahawa seorang pengurus tetap bolehlah dilantik berkhidmat di setiap ibu negeri.

Saya juga ingin bertanya sama ada Jabatan Perancang Bandar sudah memperkenalkan satu pelan piawaian atau satu pelan standard untuk rumah kos rendah. Kerana saya memerhatikan bahawa banyak rumah kos rendah mempunyai saiz dan keluasan yang berlainan di dalam satu projek perumahan dengan projek perumahan yang lain dan juga tengok kepada kawasan.

Oleh sebab itu saya harap supaya perkara ini boleh diuruskan dengan cepat supaya pembeli-pembeli rumah kos rendah tahu hak mereka. Kalau mereka membeli rumah kos rendah mereka tahu apa yang mereka boleh harapkan. Kita tidak mahu keadaan berlaku di mana kerana pembeli tidak ada harapan, tidak ada pilihan kerana terpaksa membeli rumah kos rendah dan susah untuk dapat dan terpaksa menerima apa-apa pelan atau spesifikasi yang ditawarkan oleh pihak pemaju dan kadangkala pelan yang mereka tawarkan adalah terlalu, saya rasa, tidak adil kepada para pembeli.

Dan di samping itu, timbul kes di mana, umpamanya, dalam kontrak surat perjanjian jual beli internal plastering, dengan izin, diwajibkan ditanggung oleh pihak pemaju tetapi apabila pembeli berjumpa dengan pihak pemaju, mereka dikenakan membuat bayaran tambahan sebanyak RM1,000 atau RM2,000 kalau mereka mahu 'internal plastering' dilakukan. Kalau mereka tidak membuat bayaran demikian, maka 'internal plastering' tidak dilakukan dan mereka akan duduk di dalam rumah di mana dindingnya, saya rasa kasar, tidak elok dan tidak sempurna langsung. Dan mereka terpaksa membuat 'internal plastering' dengan sendirinya.

Oleh sebab itu, saya tahu bahawa sungguhpun kementerian sedar tentang perkara ini tetapi tidak mengambil sebarang tindakan untuk memastikan bahawa apabila seorang pembeli rumah kos rendah, pemaju tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam SPA tetapi tidak ada sebarang tindakan di ambil dan saya harap penyelewengan seperti ini akan dikenakan tindakan keras supaya golongan yang tidak berada tidak akan dianiayai dan dikenakan membuat bayaran tambahan selain daripada apa yang ditetapkan.

Tuan Pengerusi, merujuk kepada perkara terakhir, merujuk kepada Maksud B.16 - Jabatan Perkhidmatan Bomba. Saya juga ingin bertanya tentang insurans atau jaring keselamatan yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba ke atas kakitangan mereka. Saya tidak tahu berapa

banyak kerugian yang dialami oleh negara kita ekoran kebakaran yang berlaku. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu Dewan ini apakah kerugian yang dialami oleh negara setiap tahun ekoran kebakaran tetapi kerana kakitangan Jabatan Perkhidmatan Bomba memainkan peranan yang penting dalam bidang ini, adalah diharapkan bahawa pihak kerajaan boleh menaikkan bayaran insurans kepada waris mereka kalau sesuatu tragedi berlaku di mana timbulah kehilangan nyawa di antara anggota Jabatan Perkhidmatan Bomba kerana saya rasa insurans atau 'safety net' yang disediakan oleh kerajaan sekarang adalah terlalu rendah dan sudah sampai masanya kita menaikkannya kepada satu tahap yang lebih munasabah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Bukit Bendera.

6.04 ptg.

Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian di dalam perbincangan bagi Maksud B.15 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Kerajaan mempunyai satu projek raksasa yang amat baik iaitu menanam sebanyak 19 juta pokok untuk menjadikan bandar dan negara kita sebagai satu "garden nation" menjelang tahun 2005. Jadi, kepentingan pokok dalam kehidupan kita selain daripada keindahan untuk sesuatu alam sekitar yang lebih sempurna, tidak boleh dinafikan. Jadi, saya ingin bertanya kementerian, apakah peruntukan yang disediakan untuk memastikan kejayaan projek menanam pokok dalam semua peringkat sama ada peringkat negeri atau peringkat daerah dan apakah rancangan atau projek yang akan dilaksanakan di semua peringkat ini. Jadi, adakah kerajaan negeri atau kerajaan tempatan adalah bersama-sama dengan Kerajaan Pusat dalam projek menanam sebanyak 19 juta pokok ini.

Dan saya pun ingin bertanya, dalam usaha menanam pokok, kita pun nampak ada beberapa tempat di mana pokok-pokok yang beratus-ratus itu pun telah ditebang seperti di sepanjang jalan dekat Taman Mayang dan Damansara untuk Lebuhraya Puchong-Damansara. Jadi, saya ingin bertanya kenapa tidak ada usaha untuk memindah pokok-pokok ini ke tempat lain seperti 'replanting' kerana pokok yang begitu besar itu boleh ditanam ke tempat lain. Satu contoh ialah sepanjang Jalan 4E/5 di Petaling Jaya di mana semua pokok ditebang bukan untuk melebarkan jalan tetapi khas untuk tempat letak kereta. Jadi, ini saya memang tidak faham tentang usaha ini tetapi saya pun hendak

mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana telah menubuhkan satu Jabatan Landskap di peringkat Pusat. Ini adalah satu langkah yang baik dan amat mustahak tetapi adakah penubuhan Jabatan Landskap adalah bagi semua peringkat khususnya di peringkat majlis tempatan atau majlis perbandaran kerana setakat ini boleh dikatakan ada banyak jabatan yang menjaga pokok dan boleh dikatakan tidak ada jabatan yang menjaga pokok di banyak negeri seperti di Pulau Pinang kerana banyak kekeliruan telah timbul apabila pokok itu runtuh. Sebab kalau pokok itu mengganggu jalan baru JKR datang, kalau pokok itu runtuh dan kena tiang elektrik baru Tenaga datang dan kalau kena tiang telefon barulah Telekom datang dan kadang-kadang mereka membiarkan pokok di sana dan kadang-kadang pun potong pokok sehingga.....kerana tidak ada kemahiran dalam penjagaan pokok ini.

Jadi, selepas pindaan Akta Perancang Bandar dan Desa pada tahun 1995, masalah berkenaan dengan penyelenggaraan, pemulihan dan perlindungan pokok menjadi lebih rumit kerana di bawah pindaan itu pokok yang 'girth'nya melebihi 40.8 meter mesti mendapat kebenaran dari pihak berkuasa tempatan. Jadi, saya memang khuatir kerana kalau tidak ada satu jabatan di peringkat tempatan atau negeri dan kalau tidak ada kakitangan yang berkecuali atau kemahiran, saya berpendapat bahawa mungkin ada banyak pelan-pelan atau projek-projek penting tergendala atau terpaksa ditangguhkan. Saya hendak bertanya kepada kementerian apakah persediaannya yang telah diambil apabila Akta Perancang Bandar dan Desa ini diterima dan dilaksanakan di semua negeri. Pada hemat saya mungkin negeri Pulau Pinang sahaja yang telah menerima pindaan akta ini pada 1hb. April tahun ini. Jadi, setakat ini apakah rancangan atau jangkaan kerajaan negeri yang lain akan terima atau melaksanakan pindaan baru akta ini dan kalau ada apa-apa masalah yang telah dihadapi oleh kerajaan negeri yang telah menerima pindaan itu. Dengan ini, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepong, selepas ini kementerian menjawab.

6.10 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, Maksud P.16 ini ialah untuk membiayai bayaran imbuhan kakitangan awam 1996, bayaran imbuhan bagi anggota baru, anggota bomba yang baru dilantik di balai-balai bomba yang baru siap.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan perkara ini kerana nampaknya walaupun ada usaha-usaha untuk memperbaiki keadaan perkhidmatan Bomba di negara ini termasuk menambahkan bilangan kakitangan yang sekarang berjumlah lebih 8,000 orang di seluruh negara dan nampaknya pihak kementerian sedang berusaha untuk menambahkan kakitangan. Itu adalah langkah yang betul, cuma saya bangkitkan di sini kerana dari segi disiplin, dari segi kecekapan, efisiensinya dan dari segi profesionalismenya. Daripada 8,281 orang kakitangan di Jabatan Perkhidmatan Bomba, mereka bukan sahaja berusaha untuk memadamkan kebakaran bahkan untuk menyelamatkan nyawa daripada pelbagai malapetaka termasuk menangkap ular dan sebagainya. Mungkin nama Jabatan Perkhidmatan Bomba akan ditukar kepada 'Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Menangkap Ular' pula. Mungkin satu hari kelak. *[Disampuk][Ketawa]* Ini memang bila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab memang diakui bukan sahaja kebakaran sahaja bahkan aktiviti-aktiviti yang lain.

Walaupun bagaimanapun, saya menekankan di sini bahawa begitu perlunya dan begitu pentingnya untuk meningkatkan mutu perkhidmatan walaupun sebahagian besar kakitangan itu berusaha dengan baik tetapi dari masa ke semasa kita dapat rungutan dan aduan daripada orang ramai walaupun mereka tidak berani tampil ke hadapan tetapi ada rungutan-rungutan bahawa ada segelintir yang menerima wang ataupun kalau tidak bayar wang tidak akan padamkan dan sebagainya. Di situ, saya tidak ada bukti dan mereka tidak berani tampil ke hadapan.

Walaupun bagaimanapun, saya berharap di dalam usaha kita untuk meningkatkan perkhidmatan ini pihak kementerian dapat menambahkan kursus untuk kakitangan ini. Kalau ikut jadual pihak kementerian nampaknya tidak lama lagi akan meningkat kepada 10,000 orang dan tahun ini sebab sudah tambah 3,000 ini bermakna tambah kepada hampir 10,000. Bagi 10,000 ini saya mencadangkan kita adakan kursus khas bagi mereka supaya soal ethic, soal moral pun ditekankan supaya semua seratus peratus kakitangan Jabatan Perkhidmatan Bomba dapat dianggapkan sebagai Bersih, Cekap dan Amanah. Sekarang majoriti beramanah tetapi kita mahu lebih ramai cekap dan beramanah dan bersih pula. Ini satu perkara yang penting.

Tuan Pengerusi, walaupun ada rancangan untuk menubuhkan dan membina 60 buah balai bomba di seluruh negara terutamanya di kawasan-kawasan di mana tidak ada balai-balai bomba, jadi saya tidak mempertikaikan perlunya kita mengadakan lebih

banyak balai bomba, cuma dari segi rekrut untuk kakitangan, kalau ditambah 60 stesen atau balai bomba baru, kita mesti mengambil lebih ramai orang yang berminat di dalam perkhidmatan bomba, tetapi bagaimana pihak kementerian dapat menarik perhatian pemuda-pemudi untuk menyertai perkhidmatan ini, sebab sepertimana yang terdapat di perkhidmatan-perkhidmatan lain termasuk tentera, polis, minat orang muda itu sudah berubah ke bidang-bidang yang lain. Seperti perkhidmatan polis, bomba dan tentera itu tidak begitu menarik ramai pemuda di negara ini. Jadi, bolehkah Yang Berhormat terangkan bagaimana pihak kementerian dapat mengambil lebih ramai kakitangan untuk mengisi jawatan di dalam 60 balai bomba yang baru? Sebab kalau kita ada balai bomba yang baru, jika tidak cukup kakitangan pun tidak dapat memberi perkhidmatan dengan lebih sempurna.

Tuan Pengerusi, ada satu perkara lagi, iaitu saya nampak usaha yang dibuat oleh pihak kementerian untuk memberi amaran, untuk memberi latihan dan galakan kepada penghuni-penghuni bangunan-bangunan pencakar langit termasuk bangunan Menara Kembar KLCC. Tetapi bolehkah Yang Berhormat sebutkan bagaimana kita pastikan tidak berlakunya kebakaran yang dahsyat dan kalau berlaku adakah cara-cara untuk menyelamatkan harta dan juga untuk menyelamatkan nyawa di bangunan-bangunan yang tinggi, sebab alat-alat kelengkapan yang ada sekarang tidak cukup, tidak boleh naik setinggi bangunan yang tertinggi di dunia iaitu seperti Menara Kembar kita. Jadi, bagaimana pihak kementerian hendak memberi amaran dan galakan supaya mereka yang mempunyai bangunan pencakar langit ini dapat sentiasa berwaspada, sentiasa berhati-hati untuk melatih kakitangan supaya mengelakkan dan mencegah kebakaran dan jika berlaku dapat menyelamatkan. Kita tidak mahu menyaksikan malapetaka 'towering inferno' ini yang sangat bahaya.

Tuan Pengerusi, saya harap disiplin dan kecekapan serta profesionalisme dapat ditingkatkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.17 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga orang Ahli Yang Berhormat yang membuat ucapan tadi mengenai perbekalan

tambahan daripada dua jabatan di bawah kementerian iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya untuk menanam pokok di seluruh negara, di mana kita ada rancangan atau kita berhasrat untuk menjadikan negara dalam taman, adalah satu usaha di mana kita harap pihak Jabatan Landskap Negara ini boleh berkerjasama dengan pihak-pihak negeri seperti Majlis-majlis Perbandaran, Majlis-majlis Daerah dan juga lain-lain jabatan yang berkaitan dengan penjagaan kawasan-kawasan lapang di seluruh negara. Hasrat kita ialah untuk menanam lebih banyak lagi pokok supaya kawasan yang buat masa sekarang tidak digunakan untuk lain-lain aktiviti ekonomi boleh digunakan untuk menanam pokok khasnya sebagai kawasan di mana kita rasa dalam Program Semaian Indah, iaitu di mana kita galakan pihak di kampung atau kawasan-kawasan di seluruh negara di mana sesuatu badan akan menjadi, menggunakan atau mengusahakan, dengan izin, nursery bagi pokok-pokok ini. Pejabat ini akan memberi bantuan kepada setengah-setengah pihak yang ada minat untuk menanam pokok atau mengusahakan, dengan izin nursery ini supaya kita dapat cukup bekalan pokok. Apabila kita hendak mengambil pokok-pokok yang sudah tumbuh ini boleh dijual kepada pihak pemaju dan juga boleh dijual kepada badan-badan yang lain yang ingin menjalankan usaha menanam pokok di kawasan perumahan, di kawasan pemajuan dan sebagainya.

Jabatan Landskap Negara tidak ada program untuk memberi bantuan kepada pihak-pihak negeri kerana kita harap juga pihak negeri akan menyalurkan sedikit-sebanyak kewangan untuk menggalak Majlis-majlis Daerah atau Majlis-majlis Tempatan itu untuk menjalankan tugas menanam pokok. Dalam rancangan ini, Jabatan Landskap akan menjadikan pakar perunding kepada pihak-pihak yang ingin mendapat nasihat teknikal, tentang jenis pokok yang perlu ditanam, cara untuk menjaga pokok apabila ia ditanam dan sebagainya.

Sebenarnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita sudah menyalurkan satu garis panduan kepada semua pihak berkuasa tempatan dan juga kepada pihak jabatan-jabatan yang berkaitan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Parit dan Saliran dan lain-lain jabatan yang ada minat untuk menjalankan tugas ini.

Kita sentiasa berkerjasama dengan pihak pemaju, Jabatan Alam Sekitar untuk usaha ini supaya kita boleh mencapai objektif iaitu menanam 16 juta pokok menjelang tahun 2020 nanti.

Saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan-pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khasnya Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, di mana atas nasihat yang diberi supaya tugas ini boleh dijalankan dengan serius.

Sebenarnya memang kita akan mengambil tindakan yang serius terhadap pihak-pihak yang menebang pokok tanpa keizinan khasnya pihak-pihak berkuasa tempatan dan juga daripada pihak Jabatan Landskap kerana ini adalah satu kesalahan yang sudah dimaktub dalam pindaan Akta Perancangan Bandar dan Desa.

Buat masa sekarang jika ada penyelewengan yang berlaku, saya harap pihak Ahli Yang Berhormat yang sudah ada bukti yang jelas, di mana ada pokok yang ditebang tanpa keizinan, saya minta Ahli Yang Berhormat berkerjasama melaporkan fakta-fakta ini kepada pihak yang berkenaan supaya ia boleh disiasat. Mengenai.....

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Saya akan sebutkan perkara itu, iaitu di mana usaha daripada pihak kerajaan tempatan seperti pihak Bandaraya Kota Melaka, di mana pokok di Jalan Merdeka sudah dipotong. Perkara ini saya akan siasat dan saya akan minta pihak Majlis Perbandaran Kota Melaka untuk menghantarkan satu laporan dan akhirnya saya akan memberi jawapan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka secara bertulis, kerana saya tidak ada apa-apa alasan tentang perkara ini.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah tindakan yang akan diambil ke atas Majlis Kerajaan Tempatan kalau mereka memotong atau menebang pokok tanpa sebab yang munasabah, kerana selain daripada Bandaraya Melaka. Saya juga difahamkan bahawa Majlis Daerah, di Cameron Highlands pun memotong atau menebang pokok sesuka hati sehingga saya rasa alam dingin di Cameron Highlands sekarang berubah. Dahulu saya rasa lebih dingin daripada sekarang, kerana berlaku terlalu banyak pokok yang telah ditebang. Jadi,

apakah tindakan yang telah diambil ke atas Kerajaan Tempatan kerana kepada pemaju atau pihak lain amat jelas, tetapi atas Kerajaan Tempatan macam mana?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Ya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa sudah menghantar garis panduan-garis panduan kepada pihak berkuasa tempatan untuk menjalankan tugas ini, di mana setiap pihak berkuasa tempatan adalah pihak yang ada kuasa untuk menentukan di mana pokok perlu dipotong dan sebagainya. Oleh sebab itu, kita berharaplah pihak berkuasa tempatan itu yang akan bertanggungjawab dan tidak menebang pokok dengan sesuka hati. Itulah sebabnya saya sebut tadi, kalau ada hal-hal yang berkaitan dengan ini atau masalah-masalah ini, kalau ada maklumat yang sudah diberi atau sudah disampaikan kepada Ahli Yang Berhormat

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masih panjangkah jawapan Yang Berhormat? Kalau boleh kita luluskan kementerian ini dalam masa satu minit. Boleh? Kalau tidak boleh, kita sambung minggu depan.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Ya, kita belum sampai bomba lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kita sambung minggu hadapan.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Sambunglah. Terima kasih.

Masjlis Mesyuarat bersidang semula

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.